



NEGERI TERENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40
Bil. 7

26hb Mac 1987

TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN

Enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Terengganu, pada 3 Disember, 1986 adalah diisyiharkan untuk pengetahuan Am :

Enakmen Bil.	Tajuk Ringkas	Muka
12.	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986	227

اینیکمین یغبرا یکوہ یعثله دلولسکن اوله دیوان او ندائهن نکری،
ترمکانو قد 3 دسمبر 1986 اداله داشتھار کن انتوق فتحهوان عام:

موک	تاجوق ریفکس	اینیکمین بیلاڻن
339	12	اینیکمین چنتدیبران حال احوال اکام اسلام 1986

The following Enactment passed by the Legislative Assembly, Terengganu on 3rd December, 1986 is published for general information:

Enactment No.	Short title	Page
12.	The Administration of Islamic Religious Affairs Enactment 1986	433

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL
AGAMA ISLAM 1986

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pengekalan hak kelebihan.

BAHAGIAN II

PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN
PENUBUHAN MAJLIS

4. Perlantikan.
5. Penubuhan Majlis dan penggunaan méterai.
6. Tempoh perlantikan ahli-ahli Majlis.
7. Pembatalan Perlantikan.
8. Perlantikan sementara.
9. Syarat-syarat perlantikan ahli.
10. Perlantikan hendaklah diwartakan.
11. Prosedur Majlis.
12. Kuasa-kuasa Majlis.
13. Kewajipan Majlis mengenai kemajuan sosio-ekonomi orang-orang Islam.
14. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan.
15. Kuasa meminjam.
16. Ahli-ahli dan setiausaha menjadi penjawat awam.
17. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
18. Kerahsiaan.
19. Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa.
20. Peraturan-peraturan tetap dan perintah-perintah tetap.
21. Undang-Undang yang hendak diperhatikan.

Seksyen

22. Hartabenda yang terletakhak sebelum tarikh yang ditetapkan.
23. Penurunan kuasa.
24. Jawatankuasa Fatwa.
25. Fatwa.
26. Kuasa-kuasa yang kena diikut.
27. Kuasa menegah penerbitan.

BAHAGIAN III
MAHKAMAH SYAR'IAH


28. Perlantikan.
29. Penubuhan Mahkamah.
30. Pendaftar-Pendaftar.
31. Bidangkuasa Mahkamah dan kuasa Qadi Besar dan Qadi-Qadi.
32. Takat bidangkuasa.
33. Apil kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah.
34. Keanggotaan Mahkamah Apil Syar'iah.
35. Apil kepada Mahkamah Apil Syar'iah.
36. Prosedur apil jenayah.
37. Menghantar rekod apil.
38. Apil dibenarkan dalam perkara-perkara tertentu.
39. Penggantungan pelaksanaan sementara menunggu keputusan apil.
40. Memasukkan apil dalam senarai.
41. Prosedur perbicaraan.
42. Yang menentang tidak hadir.
43. Menangkap yang menentang dalam hal tertentu.
44. Keputusan atas apil.
45. Perintah mengambil keterangan lanjut.
46. Keputusan.
47. Sijil dan akibat keputusan.
48. Apil jenayah kepada Mahkamah Apil Syar'iah.

Seksyen

49. Apil mal.
50. Notis apil.
51. Rekod apil.
52. Menggantungkan pelaksanaan sementara menunggu keputusan apil.
53. Pelaksanaan keputusan atas apil.
54. Apil silang.
55. Menetapkan tarikh perbicaraan apil.
56. Apil mal kepada Mahkamah Apil Syar'iah.
57. Keputusan apil muktamad.
58. Kuasa menyemak rekod Mahkamah Tinggi Syar'iah dan Mahkamah Rendah Syar'iah.
59. Kuasa memerintah penyiasatan lanjut.
60. Kuasa dalam hal penyemakan.
61. Mendengar pihak-pihak dalam penyemakan.
62. Perintah di atas penyemakan.
63. Surat-surat akuan pesaka.
64. Meterai.
65. Bahasa dan rekod.
66. Peguam Syar'i.
67. Kehadiran dalam prosiding.
68. Saman dan penyerahan.
69. Penyerahan saman.
70. Prosedur bila serahan sendiri tidak dapat dijalankan.
71. Bukti serahan.
72. Bentuk waran tangkap.
73. Mahkamah boleh mengarahkan pembebasan atas cagaran.
74. Kepada siapa waran diarahkan.
75. Memberitahu isi kandungan waran.

Seksyen

76. Orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah dengan segera.
77. Prosedur atas penangkapan orang yang terhadapnya waran dikeluarkan.
78. Pengeluaran waran sebagai ganti atau tambahan kepada saman.
79. Saman untuk hadir dan waran tangkap boleh dilaksanakan di mana-mana bahagian Negeri.
80. Kuasa mengambil bon untuk hadir.
81. Penangkapan kerana melanggar bon untuk hadir.
82. Prosedur penyerahan saman.
83. Keengganan menerima penyerahan.
84. Penyerahan ke atas peguam.
85. Penyerahan di alamat untuk serahan.
86. Tarikh kembalian saman.
87. Tarikh kembalian lain-lain prosiding.
88. Tempat dan masa penyerahan.
89. Hal-hal istimewa.
90. Serahan ganti.
91. Bukti penyerahan.
92. Pengubahan perintah.
93. Penyerahan berkaitan dengan Negeri-Negeri lain.
94. Keterangan.
95. Hukuman terus kerana berdusta dalam mahkamah terbuka.
96. Saman kerana memberi keterangan atau mengemukakan suratan.
97. Penangguhan dan perubahan tempat.
98. Waktu.
99. Mahkamah hendaklah terbuka kepada orang ramai.
100. Kuasa Mahkamah Tinggi Syar'iah memindah kes.
101. Izin mendakwa.
102. Pengaduan.



Seksyen

103. Saman dan waran.
104. Pegawai Penguatkuasa Syar'iah.
105. Kuasa untuk menghendaki kehadiran saksi-saksi.
106. Pemeriksaan saksi-saksi.
107. Tangkap tanpa waran.
108. Waran geledah.
109. Pengekalan kuasa.
110. Jaminan dan tahanan.
111. Pendakwaan.
112. Pertuduhan.
113. Perbicaraan.
114. Hukuman penjara.
115. Hukuman denda.
116. Amaran dan ikat jamin.
117. Keampunan.
118. Pelupusan harta benda.
119. Salah aturan.
120. Perkara-perkara yang tidak diperuntukkan.
121. Pernyataan tuntutan.
122. Mencantum dan menyatukan.
123. Saman dan penyampaian.
124. Orang-orang yang sudah mati atau hilang upaya.
125. Pembelaan.
126. Prosiding sambilan.
127. Menarik balik dan berselesai.
128. Perbicaraan atau pendengaran.
129. Hukuman.

Seksyen

130. Perbelanjaan.
131. Pelaksanaan.
132. Merakamkan keterangan sebelum perbicaraan.
133. Prosedur tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam mahkamah.
134. Orang-orang miskin.
135. Perkara-perkara yang tidak diperuntukkan.
136. Perlindungan pegawai kehakiman.
137. Nafkah.

BAHAGIAN IV

PERKARA-PERKARA KEWANGAN

138. Kumpulan Wang Majlis.
139. Bait-ul-Mal.
140. Tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah.
141. Surat akuan Yang Dipertua boleh diterima sebagai keterangan.
142. Deposit.
143. Wakaf dan nazar.
144. Perletakan hak.
145. Saraan.
146. Pendapatan daripada wakaf dan nazar am.
147. Modal wakaf dan nazar am.
148. Pengertian suratcara.
149. Penyata tahunan.
150. Audit.
151. Harta wakaf dan nazar.
152. Anggaran pendapatan dan perbelanjaan.
153. Perbelanjaan mengurus.



Seksyen

154. Banker.
155. Kuasa-kuasa Jabatan.
156. Pengawal, Timbalan Pengawal, Nazir, dan Amil.
157. Taksiran zakat.
158. Tanggungan membayar zakat.
159. Tanggungan membayar fitrah.
160. Pembayaran zakat.
161. Pembayaran fitrah.
162. Resit-resit dan kira-kira.
163. Kaedah-Kaedah.
164. Pungutan-pungutan kerana khairat.

BAHAGIAN V

MASJID

165. Majlis sebagai pemegang amanah.
166. Pesuruhjaya hendaklah menyenggara daftar masjid.
167. Sekatan bagi mendirikan atau menggunakan mana-mana bangunan sebagai, dan larangan penggunaan, masjid.
168. Sembahyang Jumaat di tempat-tempat yang tidak dibenarkan.
169. Bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal dalam sembahyang Jumaat.
170. Pesuruhjaya boleh mengarahkan bahawa khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan hendaklah dibaca.
171. Penyenggaraan masjid.
172. Menutup atau merombak.
173. Sempadan-sempadan mukim masjid.
174. Daftar pegawai-pegawai masjid.
175. Kekosongan jawatan Ketua Imam, Imam, Khatib, atau Bilal.
176. Perlantikan Imam Besar, Ketua Imam, atau Imam.
177. Kelakuan pegawai masjid.

Seksyen

178. Kuasa dan kewajipan pegawai masjid.
179. Kehadiran di masjid.
180. Masjid-masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan.

BAHAGIAN VI

ORANG YANG MEMELUK AGAMA ISLAM

181. Memeluk Agama Islam.
182. Melaporkan orang yang memeluk Agama Islam.
183. Daftar orang-orang yang memeluk Agama Islam.
184. Kawalan pendaftaran.
185. Sekatan pendaftaran.
186. Bantuan kepada pemeluk Agama Islam.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN-KESALAHAN

187. Pemakaian.
188. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
189. Minuman yang memabukkan.
190. Tidak berpuasa.
191. Anggapan.
192. Khalwat.
193. Perbuatan-perbuatan sumbang.
194. Menyimpan wang dengan tidak ada sebab-sebab.
195. Pungutan salah untuk maksud-maksud khairat.
196. Meninggalkan kewajipan berkanun.
197. Memecah rahsia.
198. Hukuman kerana melanggar seksyen-seksyen 167 dan 168.
199. Pengajaran agama.
200. Bertindak salah sebagai Imam, Khatib, atau Bilal dalam sembahyang Jumaat.
201. Mengembang iktikad atau kepercayaan agama.

Seksyen

202. Syarahan-syarahan di dalam masjid.
203. Menampal bil-bil atau sebaliknya mencacatkan masjid,
204. Ajaran palsu.
205. Fatwa.
206. Menghina Ayat-ayat Quran, dsb.
207. Menghina pihak-pihak berkuasa agama.
208. Penyiasatan oleh Pesuruhjaya.
209. Menghina agama.
- 210.erti "membuat hina".
211. Hasutan meninggalkan kewajipan agama.
212. Kesalahan-kesalahan berkait dengan Bait-ul-Mal.
213. Tidak membayar zakat dan fitrah, dan membayar dan memungutnya secara tak sah.
214. Menceroboh atau secara haram menduduki harta wakaf.
215. Menjual, memberi, atau menyerah anak.
216. Tidak menghiraukan titah perintah mengenai awal Ramadhan dan dua Hari Raya.
217. Mencetak, menerbit, mengedarkan, dan memiliki penerbitan haram.
218. Cuba atau bersubahat.
219. Hukuman yang tidak ditentukan.
220. Kuasa mengkompaun.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

221. Penyeliaan pegawai-pegawai.
222. Kelihatan bulan.
223. Perlindungan Majlis dan ahli-ahli dan orang-orang gaji-nya.


Seksyen

224. Menunjukkan kad pengenalan kuasa.
225. Kaedah-kaedah.
226. Pemansuhan, dan pengekalan kaedah-kaedah dan perlantikan.
227. Perkara-perkara yang belum selesai.

JADUAL PERTAMA: Peruntukan-peruntukan yang terpakai bagi perbadanan-perbadanan.

JADUAL KEDUA: Masjid-masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan.

JADUAL KETIGA: Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.



ENAKMEN BIL. 12 TAHUN 1986

BETA BERSETUJU,



MAHMUD
Sultan Terengganu
 11-3-1987

Suatu Enakmen untuk menyatukan dan meminda undang-undang berhubung dengan penubuhan, penyusunan, dan pentadbiran perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam dan Mahkamah Syar'iah dalam Negeri Terengganu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran, menghendaki makna yang berlainan—



“baligh” ertinya sampai umur mengikut Hukum Syara’;

“bermastautin” ertinya tinggal tetap atau pada ke-lazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu;

“empat Mazhab” ertinya Mazhab Syafi’i, Hanafi, Maliki, dan Hanbali;

“fitrah” ertinya suatu sukatan beras atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa, ataupun harganya, yang kena dibayar menurut Hukum Syara’ pada tiap-tiap tahun oleh seseorang Islam untuk digunakan menurut sebagaimana yang dibenarkan oleh Hukum Syara’;

“Jabatan” ertinya Jabatan Hal Ehwal Agama, Terengganu;

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya Jawatankuasa Fatwa yang disebut dalam seksyen 24;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Majlis yang disebut dalam seksyen 138 (1);

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syar’iah” ertinya Mahkamah Apil Syar’iah, Mahkamah Tinggi Syar’iah, atau Mahkamah Rendah Syar’iah, mengikut mana yang berkenaan;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Melayu yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“masjid” ertinya sebuah bangunan, dengan apa nama sekalipun dipanggil, yang didiri atau digunakan bagi maksud sembahyang berjemaah dan lain-lain pekerjaan amal ibadat yang berkaitan dengan Agama Islam, dan termasuklah sebuah surau atau balaisah;

“maukuf” ertinya harta yang diwakafkan;

“mithqal” ertinya suatu timbangan yang mana 20 mithqal bersamaan dengan 2.125 tahil atau 85 gram;

“Mufti” ertinya Mufti bagi Negeri yang dilantik di bawah seksyen 4;

“mukallaf” ertinya seorang yang beragama Islam yang telah sampai umur mengikut Hukum Syara’ dan tidak rosak akal fikirannya serta tidak pekak dan buta;

“mukim masjid” ertinya kawasan, yang sempadan-nya ditetapkan di bawah seksyen 173, di mana terletak-nya sebuah masjid dan yang mana tidak semestinya bersamaan dengan kawasan mana-mana mukim di bawah Kanun Tanah Negara;

56/65.

“nazar” ertinya ikrar dengan jalan sebutan yang mewajibkan diri seseorang membuat apa-apa kebaikan bagi apa-apa maksud yang diluluskan oleh Hukum Syara’;

“nazar am” ertinya ikrar dengan jalan sebutan yang mewajibkan diri seseorang membuat apa-apa kebaikan bagi faedah orang-orang Islam amnya atau se-kumpulan daripadanya, berbeza daripada seorang in-dividu;

“Negeri” ertinya mana-mana Negeri di Malaysia, dan termasuklah Wilayah Persekutuan;

“pegawai masjid” ertinya Ketua Imam, Imam, Kha-tib, dan Bilal bagi sesebuah masjid;

“Pegawai Penguatkuasa Syar’iah” ertinya Pegawai Penguatkuasa Syar’iah yang dilantik di bawah seksyen 104;

“Penghulu” ertinya seorang Penghulu yang mem-e-gang Tauliah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan yang memberi kuasa kepadanya pada menunaikan kewajipan-kewajipan berkenaan dengan kemuslihatan penduduk-penduduk mukimnya, dan termasuklah seorang Penolong Penghulu yang mempunyai kuasa yang serupa;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Hal Ehwal Aga-ma yang dilantik di bawah seksyen 4, dan termasuklah Timbalan Pesuruhjaya;

“Qadi” ertinya seorang Qadi yang dilantik di bawah seksyen 28, dan termasuklah Qadi Besar;

“Qadi Besar” ertinya Qadi Besar yang dilantik di bawah seksyen 28, dan termasuklah Timbalan Qadi Besar;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Jabatan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang dite-tapkan di bawah seksyen 1 bagi mula berkuatkuasanya Enakmen ini;

“Tauliah” ertinya suatu surat kuasa yang dikeluar-kan oleh atau bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan;

“wakaf am” ertinya suatu wakaf yang kekal di atas modal dan pendapatan bagi hartabenda kerana maksud-maksud pekerjaan agama atau khairat yang diakui sah oleh Hukum Syara’, dan termasuklah harta-benda yang diwakafkan itu;

“wakaf khas” ertinya suatu wakaf yang kekal di atas modal bagi hartabenda kerana maksud-maksud pekerjaan agama atau khairat yang diakui sah oleh Hukum Syara’, yang pendapatan daripadanya kena dibayar kepada seseorang atau orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan di dalam wakaf itu, dan ter-masuklah hartabenda yang diwakafkan itu;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis;

“zakat” ertinya cabutan di atas hartabenda yang wajib dibayar oleh seseorang Islam menurut Hukum Syara’.

Pengekalan
hak kele-
bihan.

3. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak ke-lebihan dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri ini, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Tereng-ganu.

BAHAGIAN II

PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN PENUBUHAN MAJLIS

Perlantikan. 4. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui pem-beritahuan dalam *Warta*, melantik seorang Pesuruh-jaya Hal Ehwal Agama, seorang Timbalan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, seorang Mufti, dan seorang Tim-baluan Mufti bagi Negeri, seorang Setiausaha kepada Jabatan Hal Ehwal Agama, dan pegawai-pegawai serta orang-orang lain yang beragama Islam yang perlu bagi

maksud-maksud Enakmen ini dan bagi perkara-perkara lain yang harus diuntukkan kepada Jabatan untuk menjalankannya.

5. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan ini menubuh sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, untuk membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara berhubung dengan hal ehwal Agama Islam dan adat Melayu amnya. Majlis itu hendaklah mengandungi—

Penubuhan
Majlis dan
penggunaan
meterai.

(a) seorang Yang Dipertua;

(b) Mufti; dan

(c) tidak kurang daripada tujuh orang ahli lain yang mana dua pertiga hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang Agama Islam,

dan semua ahli-ahli Majlis itu hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Setiausaha kepada Jabatan hendaklah menjadi setiausaha bagi Majlis.

(3) Majlis ialah sebuah perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai am yang boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, diubah, ditukar, dan dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis, dan sehingga diadakan meterai, maka suatu cap yang mengandungi tulisan "Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu" bolehlah digunakan sebagai meterai Majlis.

(4) Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu, dan boleh untuk segala maksud disebut dengan nama itu.

(5) Meterai Majlis tidaklah boleh digunakan kecuali dengan kebenaran Majlis, dan tiap-tiap suratan yang memerlukan meterai Majlis hendaklah dimeterai dengan meterai tersebut di hadapan Yang Dipertua dan seorang ahli Majlis, yang tiap-tiap seorangnya hendaklah menandatangani suratan itu, dan tandatangan yang diturunkan sebegini adalah memadai sebagai keterangan bahawa meterai itu telah diletakkan dengan sempurnanya mengikut kebenaran Majlis.

(6) Suratan-suratan yang berikut hendaklah dibuat dengan menggunakan meterai Majlis, iaitu—


- (a) suratan-suratan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya dimeteraikan;
- (b) surat-surat lantikan atau kuasa kepada semua pegawai Majlis;
- (c) surat-surat lantikan atau kuasa kepada mana-mana orang untuk menjalankan sebarang kerja yang tertentu bagi pihak Majlis; dan
- (d) suratan-suratan yang lain yang diperintahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dari semasa ke semasa supaya dimeteraikan.

Tempoh perlantikan ahli-ahli Majlis.

6. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang dilantik menjadi ahli Majlis di bawah seksyen 5 (1) (c) hendaklah mengosongkan jawatannya pada penghabisan tempoh dua tahun dari tarikh perlantikannya tetapi layaklah dilantik semula.

(2) Jawatan seseorang ahli Majlis hendaklah menjadi kosong—

- (a) apabila dia meninggal dunia; atau
- (b) jika dia diakui seorang yang tidak mampu membayar hutang atau seorang bankrap atau membuat sesuatu penyelesaian kompaun dengan pemutang-pemutangnya; atau
- (c) jika dia diakui bahawa fikirannya tiada siuman; atau
- (d) jika dia dihukum penjara oleh sebuah mahkamah yang berkelayakan bidangkuasanya selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat ampun; atau
- (e) jika, dengan surat yang ditandatanganinya dan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Yang Dipertua, dia meletakkan jawatannya dalam Majlis; atau
- (f) apabila perlantikannya dibatalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan; atau



(g) jika sekiranya dia meninggalkan Negeri ini bagi tempoh masa yang lebih daripada tiga bulan yang tidak putus-putus tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua yang diberi bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Bilamana jawatan seseorang ahli itu menjadi kosong di bawah subseksyen (2), maka mana-mana orang yang dilantik memenuhi kekosongan itu hendaklah mengosongkan jawatannya pada penghabisan tempoh asal jawatan orang yang dia dilantik menggantikannya.

(4) Majlis boleh terus menjalankan tugasnya walau-pun ada kekurangan bilangan ahlinya.

7. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli Majlis—

Pembatalan perlantikan.

(a) jika di atas apa-apa sebab dia tidak dapat menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya dengan betul; atau

(b) jika dia, dengan tiada apa-apa sebab yang munasabah yang diluluskan oleh Yang Dipertua, tidak menghadiri persidangan Majlis selama tiga kali berturut-turut.

(2) Walau apa pun peruntukan di dalam subseksyen (1), Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, di atas budi-bicaranya, membatalkan perlantikan mana-mana ahli Majlis.

8. Jika sekiranya seseorang ahli Majlis tiada di dalam Negeri atau uzur untuk sementara, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah melantik seorang ahli sebagai gantinya untuk sementara, tetapi perlantikan sementara itu akan tamat apabila ahli yang tempatnya diganti itu menyembah kenyataan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Yang Dipertua yang dia telah bersedia untuk meneruskan kewajipannya sebagai ahli Majlis.

Perlantikan sementara.

9. Seseorang itu tidak boleh dilantik menjadi ahli Majlis kecuali dia adalah seorang yang beragama Islam, berumur dua puluh satu tahun atau lebih, dan boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Syarat-syarat perlantikan ahli.

Perlantikan
hendaklah
diwartakan.

Prosedur
Majlis.

10. Semua perlantikan di bawah Bahagian ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

11. (1) Korum Majlis ialah tujuh orang.

(2) Di dalam persidangan Majlis hendaklah Yang Dipertua, jika dia hadir, mempengerusikannya, tetapi jika Yang Dipertua tidak hadir dan ahli-ahli yang hadir di dalam mana-mana persidangan tidak memilih salah seorang daripada mereka supaya mempengerusikan persidangan itu, maka persidangan itu hendaklah disifatkan ditunda.

(3) Semua persoalan yang berbangkit atau dibawa di dalam persidangan Majlis hendaklah diputuskan dengan suara terbanyak ahli-ahli yang hadir dan mengundi mengenainya di dalam persidangan itu dan, jika jumlah undi menjadi sama banyak, penggerusi persidangan itu berhak mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(4) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan berucap, tetapi tidak boleh mengundi, mengenai apa-apa perkara yang diperbincangkan di dalam mana-mana persidangan Majlis.

Kuasa-
kuasa
Majlis.

12. Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh Enakmen ini, Majlis adalah mempunyai kuasa—

(a) membuat perjanjian atau kontrak, memperolehi, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati harta alih dan takalih daripada segala jenis dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bersabitan dengannya, memindahmilik, menyerah-hak, memindah-hak semula, menyerah, mencagar, menggadaijanji, mendemis, menyerah-hak semula, memindah-hak, atau sebaliknya melepaskan ataupun memperniagakan, mana-mana harta alih atau takalih yang diletakkan pada Majlis di atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis dan sejajar dengan Hukum Syara’;

(b) membuat atau mengubahsuaikan perjanjian atau kontrak yang perlu dan mustahak untuk menjalankan tujuan-tujuan Majlis.



13. (1) Majlis hendaklah berikhtiar untuk menganjur, mendorong, membantu, dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dalam Negeri ini selaras dengan Hukum Syara'.

(2) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menjadi badan untuk menasihatkan Majlis tentang pelaksanaan kewajipannya di bawah subseksyen (1) untuk menjamin supaya kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam pelaksanaan itu tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam.

(3) Bagi maksud melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah subseksyen (1), Majlis berkuasa—

(a) untuk menjalankan segala kegiatan yang tidak akan melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam, khususnya memajukan enterprais perdagangan dan perindustrian, yang ternyata kepada Majlis bahawa menjalankannya adalah perlu, berfaedah, atau menyenangkan bagi atau berhubungan dengan pelaksanaan tugasnya yang tersebut itu, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan keluaran-keluaran;

(b) untuk menganjur penjalanan apa-apa kegiatan yang sedemikian itu oleh badan-badan atau orang-orang lain, dan bagi maksud itu untuk menujuh atau memperkembangkan, atau menganjur penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian itu sama ada di bawah kawalan Majlis sepenuhnya atau separa atau secara bebas, dan untuk memberi bantuan kepada badan-badan yang sedemikian itu atau kepada badan-badan atau orang-orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian itu, termasuklah bantuan kewangan dengan mengambil modal syer atau pinjaman atau dengan memberi pinjaman atau selainnya;

Kewajipan
Majlis
mengenai
kemajuan
sosio-
ekonomi
orang-
orang
Islam.


- (c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian itu bersekutu dengan badan-badan dan orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Negeri, atau sebagai ejen pengurusan atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri;
- (d) untuk membeli, mengunderait, atau memperolehi secara lain apa-apa stok atau syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan untuk melupuskan stok dan syer itu atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (e) untuk menubuhkan, dengan kelulusan Menteri Besar, apa-apa skim untuk memberi pinjaman daripada Kumpulan Wang kepada individu-individu Islam;
- (f) untuk menubuh dan menyenggarakan institusi-institusi latihan dan penyelidikan; dan
- (g) untuk melakukan segala perbuatan yang Majlis fikirkan perlu atau bermanfaat.

Kuasa untuk
menubuh-
kan
perbadanan-
perbadanan.

14. (1) Majlis bolehlah, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu perbadanan dengan nama sebagaimana yang Majlis fikirkan sesuai, untuk menjalankan dan menjaga, mengelola, dan menguruskan apa-apa projek, skim, atau enterprais yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 13.

(2) Majlis hendaklah, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui perintah yang sama atau yang lain, membuat peruntukan-peruntukan menganai sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1), yang menggariskan—

- (a) kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa, dan hak-hak perbadanan;
- (b) sistem pengurusan perbadanan itu; dan



- (c) hubungan di antara perbadanan dan Majlis dan hak Majlis untuk mengawal perbadanan itu.
- (3) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

15. (1) Majlis bolehlah, dengan persetujuan Menteri Besar dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya, meminjam apa-apa wang yang mungkin diperlukan olehnya untuk melaksanakan apa-apa fungsinya di bawah Enakmen ini.

Kuasa meminjam.

(2) Wang-wang yang dipinjam dengan kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

16. Semua ahli dan setiausaha Majlis hendaklah dianggap sebagai penjawat awam bagi maksud-maksud Kanun Keseksaan.

Ahli-ahli dan setiausaha menjadi penjawat awam.
N.M.B.
Bab 45.

17. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah dipakai pada mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan, atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap mana-mana pegawai, kakitangan, atau ejen Majlis bagi apa-apa perbuatan, kecuian, atau pengingkaran yang dilakukan olehnya atas sifatnya sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
Akta 198.

18. Seseorang ahli atau pekerja Majlis tidak boleh menzahirkan atau membuka kepada sesiapa, selain daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Menteri Besar atau mana-mana ahli Majlis, apa-apa perkara yang telah berbangkit di dalam mana-mana persidangan Majlis kecuali sebagaimana diputuskan sebaliknya oleh Majlis.

Kerahsiaan.

19. Majlis boleh dari semasa ke semasa menubuh jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menjalankan tujuan-tujuannya.

Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa.

Peraturan-peraturan tetap dan perintah-perintah tetap.

20. Majlis boleh, dari semasa ke semasa, membuat, meminda, dan membatalkan peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap bagi mengaturkan dan menjalankan dengan tertib prosidingnya sendiri, tetapi tidaklah peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang sebegini berjalan kuatkuasanya sehingga dan setelah ianya diluluskan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan disiarkan dalam *Warta*.

Undang-undang yang hendak diperhatikan.

21. Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Majlis hendaklah mengambil perhatian segala kehendak undang-undang yang berkuatkuasa dalam Negeri ini dan peruntukan-peruntukan Hukum Syara' dan adat Melayu.

Hartabenda yang terletakhak sebelum tarikh yang ditetapkan.

22. Segala hartabenda, sama ada harta alih atau takalih, yang, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan, terletakhak di atas nama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu bagi faedah umum hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dengan tidak payah dipindahmilik atau dipindah-hak, menjadi hartabenda Majlis.

Penurunan kuasa.

23. Segala hak, kuasa, kewajipan, dan tanggungan yang, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan, telah terletakhak atau ditanggungkan kepada Majlis hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terus terletakhak atau ditanggungkan kepada Majlis kecuali setakat mana yang penerusan itu berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Jawatan-kuasa Fatwa.

24. (1) Hendaklah diadakan suatu Jawatankuasa Fatwa bagi Majlis yang dianggotai oleh Mufti dan tidak lebih daripada tiga orang ulamak dari kalangan ahli-ahli Majlis dan tidak kurang daripada empat orang yang layak dan munasabah sama ada mereka itu ahli Majlis ataupun tidak, yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta* bagi tempoh yang ditentukan dan diberi Tauliah yang ditandatangani oleh Baginda dan memakai Mohor Negeri.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah pada bila-bila masa pun membatalkan mana-mana perlantikan itu melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Mufti hendaklah menjadi pengerusi Jawatankuasa Fatwa, dan, dalam masa dia tidak hadir, mana-mana ahli lain yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir hendaklah bertugas sebagai pengerusi.

(4) Lima orang ahli Jawatankuasa hendaklah menjadi korum bagi mengadakan persidangan.

(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Jawatankuasa Fatwa berkuasa membuat peraturannya sendiri.

25. (1) Mana-mana orang boleh, dengan surat yang dialamatkan kepada Pesuruhjaya, meminta Majlis supaya mengeluarkan fatwa atau kaedah pengertian di atas apa-apa perkara mengenai Hukum Syara' atau adat Melayu.

(2) Apabila diterima permintaan sedemikian maka hendaklah Pesuruhjaya, jika perkara itu mengenai Hukum Syara', menghantarkan permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa atau, jika perkara itu mengenai adat Melayu, kepada Majlis.

(3) Jawatankuasa Fatwa atau Majlis, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan yang demikian itu dan hendaklah menyediakan draf fatwa atau kaedah pengertian yang diminta itu, melainkan jika ditimbangkan bahawa perkara itu dangkal atau, atas sebab lain yang munasabah, tidak payah dijawab.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), jika Mufti, dalam hal sesuatu perkara Hukum Syara', dengan persetujuan Pesuruhjaya memikirkan perkara yang dihadapkan itu adalah perkara kecil, maka bolehlah Mufti memberi jawapan di atas perkara itu bagi pihak Jawatankuasa Fatwa.

(5) Jika, dalam perkara yang mengenai Hukum Syara', Jawatankuasa Fatwa tidak dapat membuat keputusan, maka perkara itu hendaklah dipanjangkan kepada Majlis untuk apa-apa pandangannya yang kemudiannya hendaklah dirujukkan kembali kepada Jawatankuasa Fatwa bagi membuat keputusan.

(6) Apabila fatwa atau kaedah pengertian disediakan, maka hendaklah Pesuruhjaya menghantarkannya kepada orang yang membuat permintaan itu.

(7) Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengisyiharkan apa-apa fatwa atau kaedah pengertian.

(8) Jika pada bila-bila masa jua Majlis berpendapat bahawa, untuk kemaslian orang-orang Islam amnya, sesuatu fatwa atau kaedah pengertian yang telah disediakan itu patut ditimbangkan semula, maka Majlis hendaklah memanjangkan perkara itu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan oleh Baginda patut dan membuat keputusan berhubung dengannya.

(9) Pesuruhjaya pada bila-bila masa boleh menyiarkan sesuatu fatwa atau kaedah pengertian yang disampaikan kepadanya oleh Jawatankuasa Fatwa atau Majlis atas apa-apa perkara berhubung dengan Hukum Syara' atau adat Melayu.

Kuasa-
kuasa yang
kena
dikut.

26. (1) Dalam membuat dan mengeluarkan sebarang fatwa atau kaedah pengertian atas apa-apa perkara mengenai Hukum Syara' menurut seksyen 25, maka hendaklah Jawatankuasa Fatwa itu berpandukan kepada Mazhab Syafi'i, kecuali bagi maksud kemaslian dan kebajikan orang-orang Islam maka bolehlah ia mengeluarkan fatwa atau kaedah pengertian berpandukan kepada mana-mana Mazhab yang empat atau Mazhab lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Fatwa.

(2) Dalam membuat dan mengeluarkan sebarang kaedah pengertian atas apa-apa perkara mengenai adat Melayu menurut seksyen 25, maka hendaklah Majlis mengambil perhatian kepada adat Melayu yang diamalkan di dalam Negeri ini, dan, jika perkara itu berkait dengan apa-apa cara dengan Hukum Syara', hendaklah merujukkan perkara itu kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mendapat nasihatnya.

(3) Mana-mana fatwa atau kaedah pengertian hendaklah disiarkan dalam *Warta* jika sekiranya Duli

Yang Maha Mulia Sultan atau Pesuruhjaya menetapkan demikian dan dengan itu terikatlah ke atas semua orang Islam yang bermastautin di dalam Negeri ini.

27. (1) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisyiharkan sebarang buku, rekod, atau pita rakaman bunyi, suratan, risalah, filem, rakaman video, atau lain-lain bahan yang serupa sebagai penerbitan haram, jika ianya mengandungi apa-apa perkara yang berlawanan dengan Hukum Syara' atau ajaran Agama Islam atau fatwa atau kaedah pengertian yang sah dikeluarkan.

Kuasa menengah penerbitan.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "filem" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Filem (Penapisan) 1952.

Akta 35.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH SYAR'IAH

28. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui Perlantikan pemberitahuan dalam *Warta*, melantik sesiapa yang layak menjadi—

(a) Pengerusi Mahkamah Apil Syar'iah;

(b) Qadi Besar dan Timbalan Qadi Besar bagi Negeri ini; dan

(c) Qadi-Qadi bagi kawasan-kawasan yang ditetapkan.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah mengurniakan Tauliah kepada Pengerusi Mahkamah Apil Syar'iah, Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, dan Qadi-Qadi yang tersebut dan bolehlah mengenakan apa-apa syarat di dalam Tauliah itu, terutamanya mengenai had-had perjalanan mana-mana kuasa yang akan dikurniakan.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membatalkan mana-mana perlantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan hendaklah pembatalan itu disiarkan dalam *Warta*.

(4) Bidangkuasa Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, atau Qadi hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Enakmen ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Penubuhan
Mahkamah.

29. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan sebuah Mahkamah Apil Syar'iah dan sebuah Mahkamah Tinggi Syar'iah bagi Negeri ini, yang hendaklah ditempatkan di Kuala Terengganu.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syar'iah di tempat-tempat yang difikirkan patut dan boleh menentukan kawasan bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah itu.

Pendaftar-
Pendaftar.

30. Maka hendaklah ada seorang Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syar'iah, seorang Penolong Pendaftar Mahkamah Apil Syar'iah, seorang Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syar'iah, dan seorang Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syar'iah, yang akan dilantik oleh Majlis.

Bidang-
kuasa
Mahkamah
dan kuasa
Qadi Besar
dan
Qadi-Qadi.

31. (1) Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah mempunyai bidangkuasa meliputi seluruh Negeri ini dan hendaklah diketuai oleh Qadi Besar atau Timbalan Qadi Besar.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah berkuasa di atas perkara mal atau lain-lain jenis perkara yang disebutkan selepas ini yang timbul di dalam kawasan bidangkuasanya yang ditentukan di bawah seksyen 29(2) atau, jika kawasan itu tidak ditentukan sedemikian, di dalam Negeri ini, dan hendaklah diketuai oleh Qadi yang dilantik baginya.

Takat
bidang-
kuasa.

32. (1) Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah—

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam dan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini dan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985, dan boleh menjatuhkan apa-

apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

(b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan—

- (i) *munakahat* atau perkara-perkara nikah-kahwin dan pemberian harta atau tuntutan harta yang terbit dari pada perkara-perkara sedemikian;
- (ii) nafkah orang-orang yang di dalam tanggungan, kesahterafan di segi Hukum Syara', *hadanah* atau penjagaan kanak-kanak atau pemeliharaan kanak-kanak;
- (iii) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (iv) penentuan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pesaka si mati dan bahagiannya mengikut Hukum Syara';
- (v) wasiat atau pemberian yang dibuat di masa hendak mati oleh si mati yang beragama Islam;
- (vi) pemberian masa hidup atau penyelesaian yang diperbuat tanpa balasan wang tunai atau benda yang bernilai wang oleh orang yang beragama Islam;
- (vii) wakaf atau nazar; dan
- (viii) lain-lain perkara yang mengenainya bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis;

(c) dalam bidangkuasa rayuannya, mendengar, dan memutuskan segala apil dari keputusan Mahkamah Rendah Syar'iah.

(2) Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah—

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan

*En. Tr.
12/85.*

oleh orang Islam dan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini, kecuali kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 194, 197, 205, 211, dan 215, dan di bawah Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985, kecuali kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 35, 36, 125, dan 127, dan boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

- (b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan—
 - (i) *munakahat* atau perkara-perkara nikah-kahwin, kecuali dalam perkara menentukan sahnya atau tidak sesuatu perkahwinan, perceraian, atau ruju', dan dalam perkara pembubaran perkahwinan;
 - (ii) pemberian harta, atau tuntutan, harta yang terbit daripada perkara-perkara *munakahat* atau nikah-kahwin, jika nilai harta itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit;
 - (iii) nafkah orang-orang yang di dalam tanggungan, kesahteraan di segi Hukum Syara', *hadanah* atau penjagaan kanak-kanak atau pemeliharaan kanak-kanak;
 - (iv) pembahagian tuntutan harta sepencarian, jika nilai harta sepencarian itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; dan
 - (v) lain-lain perkara yang mengeninya bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Tiada keputusan Mahkamah Apil Syar'iah, Mahkamah Tinggi Syar'iah, atau Mahkamah Rendah Syar'iah boleh menyentuh hak di atas hartabenda yang dipunyai oleh orang-orang yang bukan beragama Islam.

33. Apil daripada apa-apa keputusan Mahkamah Rendah Syar'iah boleh dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah—

Apil kepada
Mahkamah
Tinggi
Syar'iah.

- (a) dalam bidangkuasa jenayahnya, oleh pihak yang kena tuduh atau pendakwa yang tidak puas hati dengan keputusan itu;
- (b) dalam bidangkuasa malnya—
 - (i) oleh seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan itu jika jumlah tuntutan dalam perkara yang diapil itu tidak kurang daripada satu ratus ringgit;
 - (ii) oleh seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan itu bersabit dengan apa-apa perkara yang mengenai taraf dirinya;
 - (iii) oleh seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan itu dalam apa-apa perkara yang bersabit dengan nafkah orang-orang tanggungannya;
tetapi apil itu tidak boleh dibuat jika keputusan itu ialah dengan persetujuan;
- (c) dalam mana-mana perkara yang diperuntukkan di dalam Enakmen ini;
- (d) dalam segala perkara lain, jika Mahkamah Tinggi Syar'iah memberi kebenaran supaya dibuat apil.

34. Mahkamah Apil Syar'iah hendaklah mengandungi tiga orang ahli, iaitu—

Keanggotaan
Mahkamah Apil
Syar'iah.

- (a) Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 28 (1) (a);
- (b) seorang yang dipilih daripada Jawatankuasa Fatwa; dan
- (c) seorang lagi yang dipilih daripada sekumpulan seramai sepuluh orang yang bera-gama Islam bermazhab Syafi'i yang dilantik pada tiap-tiap tiga tahun dan diberi Tauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Apil kepada
Mahkamah
Apil
Syar'iah.

• Prosedur
apil
jenayah.

35. (1) Sesuatu apil bolehlah dibuat kepada Mahkamah Apil Syar'iah dari mana-mana keputusan Mahkamah Tinggi Syar'iah, sama ada dalam menjalankan bidangkuasa apilnya atau bidangkuasa asalnya, oleh mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan itu.

(2) Apil hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti ahli-ahli Mahkamah Apil Syar'iah.

Prosedur Apil Jenayah

36. (1) Sesiapa yang tidak puas hati dengan keputusan, hukuman, atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah Rendah Syar'iah dalam mana-mana prosiding jenayah di bawah Enakmen ini di mana dia adalah satu pihak bolehlah membuat apil kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah terhadap keputusan, hukuman, atau perintah itu berhubung dengan apa-apa kesalahan di segi undang-undang atau fakta atau atas alasan bahawa sesuatu hukuman itu berlebihan berat atau tidak mencukupi, dengan memasukkan atau menyerahkan satu notis apil kepada Mahkamah yang keputusannya diapil, yang dialamatkan kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah, dan dengan menjelaskan fee apil yang ditetapkan.

(2) Notis apil hendaklah dimasukkan atau diserahkan dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh keputusan, hukuman, atau perintah itu dijatuhkan atau dibuat, melainkan jika tempoh empat belas hari itu dilanjutkan atas permohonan kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah.

(3) Tiap-tiap notis apil hendaklah mengandungi alamat di mana apa-apa notis atau suratan berhubung dengan apil boleh diserahkan kepada pihak yang membuat apil atau kepada peguamnya.

(4) Apabila notis apil telah dimasukkan atau diserahkan, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah menyediakan satu salinan yang bertandatangan alasan-alasan keputusan dalam kes yang berkenaan dan hendaklah mempastikan supaya diserahkannya kepada pihak yang membuat apil atau peguamnya dengan meninggalkan salinan itu di alamat yang ternyata di dalam notis apil atau menghantarnya dengan



pos berdaftar kepada pihak yang membuat apil atau peguamnya di alamat tersebut.

(5) Dalam masa empat belas hari selepas salinan alasan-alasan keputusan telah diserahkan seperti diperuntukkan dalam subseksyen (4), pihak yang membuat apil hendaklah memasukkan atau menyerahkan kepada Mahkamah yang keputusannya diapil satu petisyen apil yang dialamatkan kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah.

(6) Jika pihak yang membuat apil, dalam masa yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) untuk memasukkan atau menyerahkan notis apilnya, telah memohon satu salinan catatan keterangan yang dirakamkan oleh Mahkamah yang keputusannya diapil semasa prosiding dijalankan, dia hendaklah memasukkan petisyen apilnya seperti yang tersebut di bawah subseksyen (5)—

- (a) dalam masa yang diperuntukkan oleh subseksyen itu; atau
- (b) dalam masa empat belas hari daripada tarikh bila notis ditinggalkan di alamat untuk penyerahan baginya yang dinyatakan di bawah subseksyen (3) bahawa satu salinan catatan keterangan boleh diperolehi dengan percuma,

mengikut mana masa yang lebih panjang.

(7) Tiap-tiap petisyen apil hendaklah menyatakan dengan ringkas akan isi hukuman yang diapil dan hendaklah mengandungi butir-butir yang tepat akan perkara undang-undang atau fakta yang bersangkut dengannya Mahkamah yang keputusannya diapil itu dikatakan telah membuat kesilapan.

(8) Jika pihak yang membuat apil berada di dalam penjara, dia hendaklah dianggap telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen ini jika dia memberi kepada pegawai yang menjaga penjara, sama ada dengan lisan atau bertulis, notis apil dan butir-butir yang dikehendaki dimasukkan ke dalam petisyen apil dalam 'masa yang ditetapkan oleh seksyen ini dan menjelaskan fee

apil yang ditetapkan; dan pegawai itu hendaklah serta-merta memanjangkan notis dan petisyen itu ataupun maksudnya bersama-sama dengan fee apil kepada Mahkamah di mana perbicaraan telah dijalankan.

(9) Jika apil dibuat oleh pihak pendakwa fee apil adalah dikecualikan.

(10) Jika petisyen apil tidak dimasukkan atau diserahkan dalam masa yang ditetapkan oleh seksyen ini, apil itu hendaklah dianggap sebagai telah ditarik balik dan Mahkamah di mana perbicaraan telah dijalankan hendaklah melaksanakan hukuman atau perintahnya, jika penggantungan pelaksanaan telah diberi, tetapi tiada apa-apa yang dinyatakan itu boleh dianggap sebagai menghadkan atau mengurangkan kuasa-kuasa yang diberi kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah oleh seksyen 38.

Menghantar
rekod apil.

37. Apabila pihak yang membuat apil telah mematuhi peruntukan seksyen 36, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah menghantar kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah dan pihak-pihak kepada apil itu satu salinan rekod prosiding dan alasan-alasan keputusan yang ditandatangani bersama-sama dengan satu salinan notis dan petisyen apil.

Apil di-
benarkan
dalam
perkara-
perkara
tertentu.

38. Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh, atas permohonan seseorang yang berhajat membuat apil tetapi tidak dapat berbuat demikian atas sebab dia tidak mematuhi mana-mana kehendak Enakmen ini, memberangkan apil dibuat atas apa-apa syarat dan dengan membuat apa-apa arahan kepada Mahkamah yang keputusannya diapil dan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang difikirkan perlu oleh Mahkamah Tinggi Syar'iah supaya keadilan dapat dicapai dalam perkara yang berkenaan.

Penggan-
tungan
pelaksanaan
sementara
menunggu
keputusan
apil.

39. Memasukkan notis apil tidaklah boleh disifatkan sebagai menggantung pelaksanaan apa-apa keputusan, hukuman, atau perintah, tetapi Mahkamah yang keputusannya diapil atau Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh menggantung pelaksanaan mana-mana keputusan, perintah, hukuman, atau sabitan sementara menanti keputusan apil, atas apa-apa syarat berhubung

dengan jaminan untuk membayar apa-apa wang atau menjalankan atau meninggalkan apa-apa perbuatan atau menjalankan apa-apa hukuman yang telah diperintahkan oleh atau dalam keputusan, perintah, hukuman, atau sabitan itu yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah yang keputusannya diapil atau oleh Mahkamah Tinggi Syar'iah.

40. (1) Jika Mahkamah Tinggi Syar'iah tidak secara terus menolak sesuatu apil, ianya hendaklah menetapkan nombor apil itu dan memasukkannya ke dalam senarai apil yang akan didengar dan memberi notis kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa apil itu telah didaftarkan.

Memasukkan apil dalam senarai.

(2) Secepat mungkin setelah tarikh perbicaraan ditetapkan, Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah memberi notis kepada pihak-pihak yang berkenaan akan tarikh perbicaraan apil itu.

(3) Dalam mana-mana kes Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh, atas dayanya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dan dengan masa notis yang munasabah diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan, mencepatkan atau menangguh tarikh perbicaraan apil itu.

41. (1) Apabila sesuatu apil dibicarakan, pihak yang membuat apil, jika dia hadir, hendaklah terdahulu didengar hujah-hujah menyokong apil, pihak yang menentang, jika dia hadir, hendaklah kemudiannya didengar hujah-hujah menentang, dan yang membuat apil adalah berhak membala hujah yang terkemudian itu.

Prosedur perbicaraan.

(2) Jika pihak yang membuat apil tidak hadir menyokong apilnya, Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh menimbang apilnya dan boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkan sesuai, tetapi Mahkamah boleh enggan menimbang apil itu atau membuat apa-apa perintah dalam hal pihak yang membuat apil berada di luar kawasan bidangkuasa atau tidak hadir sendiri di hadapan Mahkamah bagi mematuhi sesuatu syarat yang dikenakan apabila dia dibenar jamin, kecuali atas apa-apa syarat yang difikirkan sesuai dikenakan.

Yang
menentang
tidak hadir.

42. (1) Jika, pada ketika perbicaraan apil dijalankan, pihak yang menentang tidak hadir dan Mahkamah tidak berpuas hati bahawa notis perbicaraan telah dengan sempurna diserahkan kepadanya, Mahkamah Tinggi Syar'iah tidak boleh membuat apa-apa perintah dalam apil itu yang bertentangan atau memudaratkan pihak yang menentang, tetapi hendaklah menangguhkan perbicaraan apil itu ke suatu tarikh yang lain untuk kehadirannya, dan hendaklah mengeluarkan notis yang dikehendaki untuk diserahkan kepadanya.

(2) Jika penyerahan notis yang terkemudian disebut itu tidak dapat dilaksanakan ke atas pihak yang menentang, Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah meneruskan dengan perbicaraan apil itu dalam keadaan ketiadaannya.

Menangkap
yang
menentang
dalam hal
tertentu.

43. Apabila apil dibuat ke atas hukuman pembebasan, Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh mengeluarkan waran mengarahkan supaya yang dituduh ditangkap dan dibawa ke hadapannya, dan boleh menahannya di dalam penjara sementara menunggu keputusan apil atau membenarkan dia dijamin.

Keputusan
atas apil.

44. Pada ketika membicarakan sesuatu apil Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh, jika ia berpendapat bahawa tidak terdapat alasan yang mencukupi untuk mengganggu keputusan, hukuman, atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah yang keputusannya diapil, menolak apil itu atau boleh—

- (a) di dalam apil terhadap perintah pembebasan, mengakaskan perintah itu dan mengarahkan supaya penyiasatan lanjut dibuat atau yang dituduh dibicara semula, atau menghukumnya bersalah dan menjatuhkan hukuman ke atasnya mengikut undang-undang;
- (b) di dalam apil terhadap sabitan atau di dalam apil terhadap hukuman—
 - (i) mengakaskan hukuman dan membebas atau melepaskan yang dituduh, atau memerintahkannya dibicara semula; atau
 - (ii) mengubah keputusan itu, mengesahkan hukuman itu atau, dengan mengubah atau

tidak akan keputusan itu, mengurangkan atau meninggikan hukuman atau mengubah jenis hukuman;

- (c) di dalam apil terhadap lain-lain perintah, mengubah atau mengakas perintah itu.

45. (1) Dalam mengurus mana-mana apil, Mahkamah Tinggi Syar'iah, jika ia memikirkan bahawa keterangan lanjut adalah perlu, boleh sama ada mendapatkan keterangan itu dengan sendirinya atau mengarahkan ianya diambil oleh Mahkamah yang keputusannya diapil.

Perintah mengambil keterangan lanjut.

(2) Apabila keterangan lanjut diambil oleh Mahkamah yang keputusannya diapil, ia hendaklah memperakui keterangan itu kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah yang secepat mungkin kemudiannya, hendaklah meneruskan dengan penyelesaian apil itu.

(3) Kecuali diarah sebaliknya oleh Mahkamah Tinggi Syar'iah, yang dituduh atau peguamnya hendaklah hadir apabila keterangan lanjut diambil.

46. Apabila perbicaraan apil selesai, Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah, sama ada serta-merta atau di satu tarikh yang akan datang, yang hendaklah sama ada ditetapkan untuk maksud itu atau notis kerananya diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan, menyampaikan keputusan di dalam Mahkamah terbuka.

Keputusan.

47. (1) Apabila sesuatu perkara itu diputuskan dalam perbicaraan apil, Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah memperakui keputusan atau perintahnya kepada Mahkamah yang keputusannya diapil.

Sijil dan akibat keputusan.

(2) Jika sesuatu apil itu tidak ditolak, perakuan tersebut hendaklah menyatakan sebab-sebab apil dibenarkan atau keputusan Mahkamah yang keputusannya diapil itu telah diubah.

(3) Mahkamah yang menerima perakuan tersebut hendaklah selepas itu membuat apa-apa perintah yang menepati keputusan atau perintah Mahkamah Tinggi Syar'iah dan, jika perlu, rekodnya hendaklah dipinda bersesuaian engannya.

Apil
jenayah
kepada
Mahkamah
Apil
Syar'iah.

48. Peruntukan-peruntukan seksyen 36 hingga 37 hendaklah, dengan ubahsuaian yang perlu, terpakai bagi apil dari mana-mana keputusan, hukuman, atau perintah Mahkamah Tinggi Syar'iah sebagaimana ianya terpakai bagi apil dari mana-mana keputusan, hukuman, atau perintah Mahkamah Rendah Syar'iah, melainkan—

- (a) empat set suratan-suratan yang disebut dalam seksyen 37 hendaklah dihantar kepada Mahkamah Apil Syar'iah;
- (b) peruntukan-peruntukan seksyen 45 hendaklah terpakai hanya dalam hal sesuatu apil dari mana-mana keputusan, hukuman, atau perintah Mahkamah Tinggi Syar'iah dalam menjalankan bidangkuasa asalnya.

Prosedur Apil Mal

Apil mal.

49. (1) Mana-mana pihak dalam perbicaraan mal di Mahkamah Rendah Syar'iah bolehlah membuat apil terhadap keputusan Mahkamah itu kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah.

(2) Dalam seksyen ini, "keputusan" termasuklah "hukuman", "perintah", dan "dikri".

Notis apil.

50. (1) Apil kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah dibuat dengan memasukkan notis apil dalam borang yang ditetapkan.

(2) Pihak yang membuat apil boleh membuat apil terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian keputusan, dan notis apil hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian yang mana, daripada keputusan itu yang dia tidak puas hati.

(3) Notis apil hendaklah dimasukkan dalam masa empat belas hari daripada tarikh keputusan itu diumumkan; dan Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah selepas itu membekalkan kepada pihak yang membuat apil, setelah dijelaskan fee yang ditetapkan, satu salinan yang sah keputusan atau, jika tiada keputusan bertulis dibuat, satu salinan yang sah alasan-alasan keputusan.

(4) Apabila salinan yang sah itu siap, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah memberitahu pihak yang membuat apil berkenaan dengannya.

(5) Dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh diterima pemberitahu yang tersebut dalam subseksyen (4), pihak yang membuat apil hendaklah, kecuali di atas sebab-sebab yang mencukupi Mahkamah yang keputusannya diapil memerintah sebaliknya—

(a) mengamanahkan dalam Mahkamah yang keputusannya diapil sejumlah wang yang pada pendapat Mahkamah akan mencukupi untuk membiayai perbelanjaan menyediakan salinan-salinan rekod apil yang mencukupi bagi kegunaan Mahkamah Tinggi Syar'iah dan pihak-pihak yang terlibat dalam apil itu; dan

(b) memasukkan dalam Mahkamah yang keputusannya diapil wang berjumlah dua ratus lima puluh ringgit atau apa-apa jumlah yang kurang yang Mahkamah di dalam mana-mana kes mengarahkan, sebagai garan bagi perbelanjaan apil.

(6) Notis apil hendaklah diserahkan oleh yang membuat apil ke atas semua pihak yang terlibat dengan apil itu atau ke atas peguam masing-masing.

51. (1) Apabila yang membuat apil itu menunaikan kehendak-kehendak seksyen 50, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah menyediakan jumlah salinan yang dikehendaki akan rekod apil, yang hendaklah mengandungi salinan-salinan— Rekod apil.

- (a) surat guaman yang bersangkutan;
- (b) catatan keterangan;
- (c) alasan-alasan keputusan;
- (d) keputusan;
- (e) notis apil; dan
- (f) semua suratan dan barang kes yang pihak-pihak berkenaan berpendapat mustahak bagi maksud apil itu.

(2) Apabila rekod apil itu siap, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah menyerahkan kepada yang membuat apil satu notis dalam borang yang ditetapkan.

(3) Jika yang membuat apil berpendapat mana-mana suratan atau barang kes yang hendak digunakan itu tidak payah dimasukkan di dalam rekod apil, dia hendaklah memperolehi persetujuan bertulis kesemua pihak di dalam apil itu untuk meninggalkan suratan itu daripada rekod, dan persetujuan bertulis itu hendaklah diserahkan kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah.

(4) Atas permintaan yang membuat apil, dan jika wang amanah yang tersebut dalam seksyen 50 (5) (a) tidak mencukupi, sesudah dijelaskan pembayaran oleh yang membuat apil sejumlah wang tambahan yang mencukupi untuk membayai perbelanjaan menyediakan rekod apil, Mahkamah yang keputusannya diapil hendaklah—

(a) membekalkan kepada pihak yang membuat apil satu salinan rekod apil dan salinan-salinan tambahan yang mencukupi untuk diserahkan kepada yang menentang; dan

(b) memanjangkan kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah salinan-salinan rekod yang berlebihan, setelah mencatatkan di atas satu salinannya akan tarikh penyerahan notis yang tersebut dalam subseksyen (2).

Menggan-tungkan pelaksanaan sementara menunggu keputusan apil.

Pelaksanaan keputusan atas apil.

52. Memasukkan notis apil tidaklah boleh disifatkan sebagai menggantung pelaksanaan apa-apa keputusan, tetapi Mahkamah yang keputusannya diapil atau Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh, atas permohonan dan atas sebab-sebab yang mencukupi diberikan kepadanya, menggantungkan pelaksanaan atas syarat-syarat yang difikirkan munasabah.

53. Apabila mana-mana pihak telah membuat cabutan ke atas perintah Mahkamah Tinggi Syar'iah berbangkit daripada mana-mana apil dan telah mengemukakan perintah itu kepada Mahkamah yang keputusannya diapil, Mahkamah itu hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

54. (1) Pihak yang menentang dalam apil boleh memberi notis kepada Mahkamah yang keputusannya diapil dan pihak-pihak lain yang berkenaan bahawa dia hendak mengatakan bahawa keputusan atau perintah yang diapil itu hendaklah diubah. Apil silang.

(2) Notis itu hendaklah berjalan sebagai apil silang.

55. (1) Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah kemu-diannya menetapkan tarikh perbicaraan apil itu dan hendaklah memberitahu pihak-pihak yang terlibat mengenai tarikh dan tempat apil itu akan didengar. Menetapkan tarikh perbicaraan apil.

(2) Pada tarikh yang ditetapkan, atau mana-mana hari lain yang padanya ditangguhkan perbicaraan apil itu, Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah mendengar pihak-pihak dalam apil itu dan kemudiannya hendaklah membuat apa-apa perintah mengikut subseksyen (3) dan berkenaan dengan perbelanjaan apil sebagaimana yang difikirkan patut.

(3) Atas sesuatu apil, Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh mengesahkan, mengakaskan, atau mengubah keputusan Mahkamah yang membicarakan, menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang Mahkamah yang membicarakan boleh menjalankan, membuat sesuatu perintah sebagaimana yang Mahkamah yang membicarakan sepatutnya telah membuat, atau memerintahkan perbicaraan semula.

(4) Tiada boleh dibenarkan apil atau diperintahkan supaya dibicarakan semula atas sebab-sebab prosedur yang tidak menurut peraturan atau penerimaan salah mengenai keterangan kecuali dengan sebab itu telah berlaku kealpaan keadilan.

56. Peruntukan-peruntukan seksyen 49 hingga 55 hendaklah, dengan ubahsuaian yang perlu, terpakai bagi apil dari mana-mana keputusan atau perintah Mahkamah Tinggi Syar'iah sebagaimana ianya terpakai bagi apil dari mana-mana keputusan atau perintah Mahkamah Rendah Syar'iah. Apil mal kepada Mahkamah Apil Syar'iah.

57. Kecuali dengan perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya perkara yang diputuskan oleh Mahkamah Apil Syar'iah itu ditimbang semula atas alasan Keputusan apil muktamad.

timbulnya perkara atau keterangan yang baru dan mustahak, keputusan Mahkamah Apil Syar'iah adalah muktamad dan terikat ke atas pihak-pihak dalam apil itu.

Kuasa Menyemak

Kuasa menyemak rekod Mahkamah Tinggi Syar'iah dan Mahkamah Rendah Syar'iah.

58. (1) Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah, mengikut mana yang berkenaan, boleh memanggil dan menyemak rekod mana-mana prosiding dalam perkara jenayah di Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah, mengikut mana yang berkenaan, bagi maksud meyakinkannya bahawa keputusan dalam prosiding itu adalah betul dan sah, dan bahawa prosiding itu dijalankan mengikut peraturan Mahkamah.


(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Pesuruhjaya boleh memohon salinan-salinan rekod mana-mana prosiding asal dalam perkara jenayah di Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah, dan jika dia mendapati bahawa keputusan yang dicapai itu tidak mengikut kehendak undang-undang, dia bolehlah merujukkan perkara itu kepada Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah mengikut mana yang berkenaan, dan bolehlah Mahkamah yang berkenaan memanggil dan menyemak rekod prosiding itu.

Kuasa memerintah penyiasatan lanjut.

59. Apabila menyemak rekod seperti yang tersebut dalam seksyen 58, Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah, mengikut mana yang berkenaan, boleh mengarahkan Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah, mengikut mana yang berkenaan, supaya membuat, dan Mahkamah itu hendaklah membuat, penyiasatan lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah yang mengarahkan itu.

Kuasa dalam hal penyemakan.

60. (1) Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh, dalam mana-mana kes di mana rekod prosiding telah dipanggil olehnya atau yang secara lain datang kepada pengetahuannya, menggunakan mana-mana kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 39, 43, 44, dan 45.



(2) Perintah di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat sehingga memudaratkan yang kena tuduh kecuali dia telah diberi peluang untuk didengar, sama ada secara persendirian atau oleh peguamnya, bagi membela dirinya.

(3) Tiada apa-apa di dalam seksyen ini yang boleh dianggap sebagai membenarkan Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah menukar keputusan pembebasan kepada sabitan.

61. Mana-mana pihak tidak berhak didengar, sama ada secara bersendirian atau oleh peguam, di hadapan Mahkamah Apil Syar'iah atau Mahkamah Tinggi Syar'iah apabila ianya menjalankan kuasa-kuasa menyemaknya, tetapi Mahkamah boleh, jika ia fikir layak, apabila menjalankan kuasa-kuasa itu, mendengar mana-mana pihak, sama ada secara bersendirian atau oleh peguam.

Mendengar
pihak-pihak
dalam
penyemakan.

62. Apabila sesuatu kes itu disemak oleh Mahkamah Apil Syar'iah, atau Mahkamah Tinggi Syar'iah, ia hendaklah memperakukan keputusan atau perintahnya kepada Mahkamah di mana pendapat, hukuman, atau perintah yang disemak itu dirakamkan atau dibuat, dengan menyatakan, di mana pendapat, hukuman, atau perintah itu diubah, sebab-sebab mengapa perubahan dibuat; dan Mahkamah yang kepadanya keputusan atau perintah itu diperakukan hendaklah selepas itu membuat apa-apa perintah yang menepati keputusan yang diperakukan itu dan, jika perlu, rekod-rekod yang berkenaan hendaklah dipinda bersesuaian dengannya.

Perintah
di atas
penyemakan.

Peruntukan Am

63. (1) Dalam mana-mana prosiding bersabit dengan pentadbiran atau pembahagian pesaka seorang yang beragama Islam yang telah meninggal dunia, mana-mana mahkamah sivil yang mempunyai kewajipan untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam pesaka itu atau bahagian masing-masing yang orang-orang itu berhak mendapat boleh-lah meminta Qadi Besar atau Timbalan Qadi Besar supaya memperakukan, atas fakta-fakta yang dikemukakan oleh mahkamah itu, akan pendapatnya

Surat-surat
akuuan
pesaka.

berkenaan dengan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam pesaka itu dan bahagian-bahagian yang mereka itu berhak mendapat.

(2) Qadi Besar atau Timbalan Qadi Besar bolehlah, atas permohonan seseorang yang menuntut sebagai benefisiari dan setelah dia menjelaskan fee yang ditetapkan, memperakukan demikian jua akan pendapatnya atas fakta-fakta yang dikemukakan itu dan bolehlah dalam mana-mana hal, sebelum memperakukan pendapatnya itu, menghendaki untuk mendengar pihak-pihak yang berkenaan atas mana-mana soalan yang berhubung dengan undang-undang, tetapi tidaklah boleh mendengar keterangan atau membuat pendapat atas mana-mana soalan yang berhubung dengan fakta.

(3) Dalam mana-mana hal yang istimewa rumitnya Qadi Besar atau Timbalan Qadi Besar bolehlah merujuk persoalan itu kepada Mufti untuk memperolehi pendapatnya, dan hendaklah, jika Mufti memberi pendapatnya, memperakukan menurutnya.

Meterai.

64. (1) Mahkamah Apil Syar'iah, Mahkamah Tinggi Syar'iah, dan tiap-tiap Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah mempunyai dan menggunakan apa-apa meterai atau cap yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Segala proses tiap-tiap Mahkamah hendaklah dikeluarkan dengan meterai atau cap Mahkamah itu dan tandatangan Pendaftar yang sepatutnya.

Bahasa dan rekod.

65. (1) Bahasa Mahkamah hendaklah Bahasa Malaysia dan segala suratan dan prosiding bertulis bolehlah disediakan dengan menggunakan skrip Jawi atau Rumi.

(2) Sesiapa yang ingin mengemukakan mana-mana saksi di dalam Mahkamah yang mana saksi itu tidak boleh bertutur atau memahami Bahasa Malaysia hendaklah atas perbelanjaannya sendiri memperuntukkan jurubahasanya sendiri.

(3) Tiap-tiap Mahkamah hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod-rekod yang penuh dan sempurna bagi segala prosiding di dalamnya dan juga kira-kira yang lengkap dan sempurna bagi segala



urusan kewangan Mahkamah dan hendaklah menjelaskan segala wang yang diterima mengikut cara yang di-peruntukkan oleh atau di bawah Akta Prosedur Ke-wangan 1957. *Akta 61.*

66. (1) Perkataan "pegawai", di mana juga digunakan dalam Enakmen ini, ditujukan hanya kepada Peguam Syar'i, iaitu, seorang peguambela dan peguamcara yang—

- (a) beragama Islam dan layak serta berkemahiran dalam perkara-perkara berhubung dengan Hukum Syara';
- (b) boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia; dan
- (c) diperakui oleh sebuah panel yang dilantik oleh Majlis, sama ada setelah lulus apa-apa ujian yang diadakan oleh panel itu atau tanpa dikehendaki menjalani apa-apa ujian, sebagai seorang yang layak menjadi Peguam Syar'i.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada sesiapa kecuali Peguam Syar'i boleh hadir dan menjadi wakil bagi mana-mana pihak di dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah Syar'iah.

(3) Majlis hendaklah menyedia dan menyenggarakan satu daftar tahunan yang mengandungi butir-butir berhubung dengan Peguam Syar'i.

(4) Peguam Syar'i tidak boleh hadir dan menjadi wakil bagi mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah Syar'iah kecuali dia mempunyai sijil bertulis yang dikeluarkan oleh Majlis, yang mana hendaklah dikeluarkan tiap-tiap tahun dan ditandatangani oleh Yang Dipertua.

67. (1) Dalam mana-mana prosiding jenayah, hendak-lah tiap-tiap orang yang dituduh hadir sendiri, walau-pun dia diwakili oleh peguam, melainkan diperuntuk-kan selainnya dengan nyata. *Kehadiran dalam prosiding.*

(2) Dalam mana-mana prosiding sivil, tiap-tiap pihak bolehlah hadir sama ada sendiri atau melalui peguam.

*Proses untuk Memaksa Kehadiran**(Kes Jenayah)*

Saman dan
penyerahan.

68. (1) Tiap-tiap saman memaksa kehadiran yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini hendaklah bertulis dan ditandatangani seperti yang diperuntukkan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dimeterai dengan meterai atau cap Mahkamah.

(2) Saman-saman hendaklah lazimnya diserah oleh seseorang pegawai polis, tetapi Mahkamah yang mengeluarkan saman boleh, jika ia fikir layak, mengarahkan ianya diserah oleh mana-mana orang lain.

Penyerahan
saman.

69. (1) Saman hendaklah diserah sendiri ke atas orang yang disaman dengan menunjukkan kepadanya salinan asal dan menyerahkan atau menyampaikan kepadanya satu salinannya yang mengandungi meterai atau cap Mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang saman telah diserahkan kepadanya, jika dikehendaki oleh penyerah saman itu hendaklah menandatangani pengakuan terima saman itu di belakang salinan asalnya.

(3) Jika orang yang disaman itu tidak dapat ditemui setelah segala ikhtiar dijalankan, atau, walaupun ditemui, mengelak penyerah saman, saman bolehlah diserahkan dengan meninggalkan satu salinannya dengan mana-mana keluarganya yang dewasa atau orang gajinya yang tinggal dengannya.

Prosedur
bila serahan
sendiri
tidak dapat
dijalankan.

70. Jika orang yang disaman itu tidak dapat ditemui setelah segala ikhtiar dijalankan atau, walaupun ditemui, mengelak penyerah saman, dan penyerahan tidak dapat dibuat mengikut kehendak seksyen 69 (3), penyerah saman hendaklah melekatkan satu salinan saman itu di satu tempat yang senang dilihat di rumah atau lain-lain tempat di mana orang yang disaman itu lazimnya tinggal, dan dalam hal yang demikian saman itu, jika Mahkamah mengarahkannya sama ada sebelum atau selepas dilekatkan itu, hendaklah dianggap sebagai telah diserah dengan sah.

71. Apabila saman telah diserah, satu afidavit penye-
rahan yang dibuat di hadapan seorang yang diberi
kuasa mentadbirkan sumpah hendaklah boleh diterima
sebagai keterangan.

Bukti
serahan.

Waran Tangkap

72. (1) Sesuatu waran tangkap yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini hendaklah ditanda-
tangani seperti yang diperuntukkan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dimeterai dengan me-
terai atau cap Mahkamah.

Bentuk
waran
tangkap.

(2) Sesuatu waran tangkap itu hendaklah berkuat-
kuasa sehingga ianya dibatalkan oleh Mahkamah yang mengeluarkannya atau hingga ianya telah dilaksanakan.

73. (1) Mana-mana Mahkamah yang mengeluarkan waran untuk menangkap mana-mana orang boleh mengarahkan dengan catatan di atas waran itu bahawa jika orang yang berkenaan menandatangani bon dengan penjamin yang cukup untuk kehadirannya di hadapan Mahkamah pada waktu yang ditentukan dan seterusnya sehingga sebaliknya diarahkan oleh Mahkamah, pegawai yang diarahkan waran itu hendaklah membebaskan orang yang berkenaan daripada jagaannya.

Mahkamah
boleh
mengarah-
kan pembed-
basan atas
cagaran.

(2) Catatan yang tersebut hendaklah menyata-
kan—

- (a) bilangan penjamin;
- (b) jumlah nilai cagaran dengan mana mereka dan orang yang ditangkap itu masing-masingnya terikat;
- (c) tarikh dan masa dia dikehendaki mengha-
diri di hadapan Mahkamah.

(3) Apabila cagaran telah diambil di bawah sek-
syen ini, pegawai yang diarahkan waran itu hendaklah memanjangkan bon itu kepada Mahkamah.

74. (1) Waran tangkap hendaklah lazimnya diarahkan kepada Ketua Polis Negara dan semua pegawai polis yang lain, dan mana-mana pegawai polis boleh melak-
sanakan waran itu di mana-mana bahagian Negeri ini.

Kepada
siapa
waran di-
arahkan.

(2) Mahkamah yang mengeluarkan sesuatu waran boleh mengarahkannya kepada mana-mana orang dengan namanya, yang bukannya pegawai polis, dan orang itu bolehlah melaksanakan waran itu.

Memberi-tahu isi kandungan waran.

75. Pegawai polis atau orang lain yang melaksanakan sesuatu waran tangkap hendaklah memberitahu isi kandungan waran itu kepada orang yang ditangkap dan jika dikehendaki hendaklah menunjukkan kepada-nya waran atau salinannya yang mengandungi meterai atau cap Mahkamah yang mengeluarkannya.

Orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah dengan segera.


76. Pegawai polis atau orang lain yang melaksanakan sesuatu waran tangkap hendaklah, tertakluk kepada peruntukan seksyen 73 berhubung dengan cagaran, dengan segera membawa orang yang ditangkap itu di hadapan Mahkamah di mana dia dikehendaki oleh undang-undang menyerahkan orang itu.

Prosedur atas penangkapan orang yang terhadapnya waran dikeluarkan.

77. (1) Apabila waran tangkap dilaksanakan di luar kawasan bidangkuasa Mahkamah yang mengeluarkannya, orang yang ditangkap itu hendaklah, kecuali cagaran diambil di bawah seksyen 73, dibawa di hadapan Qadi yang berdekatan.

(2) Qadi itu hendaklah, jika orang yang ditangkap ialah seorang yang dimaksudkan oleh Mahkamah yang mengeluarkan waran itu, mengarahkan pemindahan-nya di bawah jagaan kepada Mahkamah yang dinamaikan di dalam waran itu, tetapi jika orang yang ditangkap itu bersedia dan sanggup memberi bon yang memuaskan Qadi itu ataupun arahan telah tercatat di bawah seksyen 73 di atas waran dan orang itu bersedia dan sanggup memberi cagaran yang dikehendaki oleh arahan itu, Mahkamah hendaklah menerima bon atau cagaran itu, mengikut mana yang berkenaan, dan memanjangkan bon itu kepada Mahkamah yang dinamaikan di dalam waran itu.

(3) Tiada apa-apa di dalam seksyen ini boleh dianggapkan sebagai menghalang seseorang pegawai polis daripada mengambil cagaran di bawah seksyen 73.



*Kaedah-Kaedah Lain Berhubung dengan
Saman dan Waran Tangkap*

78. Mahkamah, dalam bidangkuasa jenayahnya, boleh, dalam mana-mana kes yang ianya diberi kuasa mengeluarkan saman untuk kehadiran mana-mana orang, mengeluarkan, selepas merakamkan sebab-sebabnya secara bertulis, satu waran untuk menangkap orang itu—

Pengeluaran waran sebagai ganti atau tambahan kepada saman.

(a) jika sama ada sebelum atau selepas mengeluarkan saman tetapi sebelum tarikh yang ditetapkan untuk kehadirannya, Mahkamah mempunyai sebab-sebab mempercayai bahawa orang itu telah menghilangkan diri atau tidak akan mematuhikehendak saman; atau

(b) jika, pada masa yang ditetapkan, dia telah ingkar hadir dan saman itu telah dibuktikan sebagai telah diserah dengan sahnya dalam masa yang mencukupi untuk dia hadir mengikut kehendak saman itu dan tiada sebab munasabah yang diberinya bagi keingkarannya untuk hadir.

79. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, semua saman untuk hadir dan waran tangkap yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini boleh diserahkan atau dilaksanakan, mengikut mana yang berkenaan, di mana-mana bahagian Negeri ini.

Saman untuk hadir dan waran tangkap boleh dilaksanakan di mana-mana bahagian Negeri.

80. Apabila mana-mana orang yang untuk kehadiran atau tangkapannya mana-mana Mahkamah berkuasa mengeluarkan saman atau waran ada hadir di Mahkamah itu, ia boleh menghendaki orang itu melaksanakan satu bon, sama ada dengan penjamin atau tidak, untuk kehadirannya di hadapan Mahkamah itu.

Kuasa mengambil bon untuk hadir.

81. Apabila mana-mana orang yang terikat oleh mana-mana bon yang diambil di bawah Enakmen ini untuk hadir di hadapan sesuatu Mahkamah telah ingkar untuk hadir, Mahkamah itu boleh mengeluarkan waran mengarahkan bahawa orang itu ditangkap dan dihadapkan di hadapannya.

Penangkapan kerana melanggar bon untuk hadir.

*Proses untuk Memaksa Kehadiran
(Kes Mal)*

Prosedur
penyerahan
saman.

82. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini dan terutamanya kepada peruntukan-peruntukan berhubung dengan serahan ganti, penyerahan apa-apa suratan hendaklah dengan cara menyerahkan kepada penerimanya sendiri, dan hendaklah dilaksanakan dengan cara menyerahkan salinan asal suratan itu atau menunjukkannya untuk diperiksa dan menyerahkan satu salinannya.

(2) Satu salinan yang mengandungi meterai atau cap Mahkamah dan tandatangan pegawainya yang betul hendaklah, bagi maksud subseksyen (1), dianggap sebagai salinan yang asal suratan itu.

(3) Penyerahan hendaklah dilakukan oleh seorang pegawai Mahkamah yang mengeluarkan suratan itu ataupun pegawai dari Mahkamah lain atau, dengan kebenaran Mahkamah, oleh mana-mana orang lain. ~

Keengganan
menerima
penyerahan.

83. Jika orang yang hendak diserah itu enggan menerima suratan itu atau salinannya, ianya bolehlah ditinggalkan berdekatan dengannya dan perhatiannya ditarik kepada perbuatan itu.

Penyerahan
ke atas
pegawai.

84. Sesuatu suratan bolehlah diserahkan kepada peguam mana-mana pihak yang telahpun memasukkan memorandum tempahan.


Penyerahan
di alamat
untuk
serahan.

85. (1) Mana-mana suratan yang diserahkan di alamat untuk serahan bagi mana-mana orang hendaklah dianggap sebagai telah diserah ke atas orang itu.

(2) Dalam hal di mana sesuatu alamat untuk serahan itu tidak di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di mana bangunan Mahkamah itu terletak, mana-mana suratan boleh diserahkan dengan cara mengirimnya dengan pos berdaftar ke alamat untuk serahan dan suratan itu hendaklah dianggap sebagai telah diserah apabila ia seharusnya telah diserahkan mengikut keadaan biasa perjalanan pos.

Tarikh
kembalian
saman.

86. (1) Sesuatu saman bagi memulakan sesuatu tindakan hendaklah diserah tidak kurang daripada



tujuh hari genap sebelum tarikh kembalian, kecuali Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

(2) Tarikh kembalian boleh dipinda oleh Mahkamah jika perlu.

87. Notis untuk lain-lain prosiding hendaklah dengan cara notis dua hari genap, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis sebaliknya, dan kecuali Mahkamah memerintah sebaliknya.

Tarikh kembalian lain-lain prosiding.

88. (1) Penyerahan boleh dilaksanakan di mana-mana tempat, pada mana-mana hari dan pada bila-bila masa siang atau malam.

Tempat dan masa penyerahan.

(2) Penyerahan selepas pukul empat petang hendaklah lazimnya dianggap sebagai telah dilaksanakan pada hari berikutnya.

(3) Penyerahan yang dilaksanakan selepas tengah hari pada hari sebelum, atau pada bila-bila masa pada hari cuti mingguan atau cuti am hendaklah dianggap sebagai telah dilaksanakan pada hari selepas cuti itu.

89. (1) Apabila seseorang yang hilang daya upaya di sisi undang-undang hendak diserah suratan ke atasnya, penyerahan hendaklah dibuat ke atas jawatankuasanya, jika ada, atau jika tiada jawatankuasanya, ke atas orang yang bersamanya dia tinggal atau orang yang menjaganya.

Hal-hal istimewa.

(2) Mahkamah boleh membuat perintah bahawa serahan ke atas orang yang hilang daya upaya di sisi undang-undang adalah dianggap sebagai serahan yang sah.

(3) Seseorang di dalam penjara adalah dianggap sebagai telah diserah jika serahan dibuat ke atas pegawai yang menjaga penjara, yang hendaklah menyampaikan prosiding itu kepada orang itu.

90. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana pihak yang tidak memberi alamat untuk serahan tinggal, pada tarikh saman atau lain-lain suratan, di-keluarkan, di dalam Negeri ini dan ada sebab untuk mempercayai bahawa dia sedang memenculkan diri

Serahan ganti.

bagi maksud mengelak dari penyerahan saman atau lain-lain suratan itu atau ada sebab-sebab yang cukup mengapa saman atau lain-lain suratan itu tidak dapat diserahkan dengan cara biasa, Mahkamah boleh merintah supaya saman atau lain-lain suratan itu di-serah dengan cara melekatkan satu salinannya di mana-mana tempat yang terang di bangunan Mahkamah dan juga di bahagian yang terang di rumah di mana orang yang dinamakan di dalam saman atau lain-lain suratan itu diketahui telah terakhir sekali tinggal, atau dengan lain-lain cara yang Mahkamah fikirkan layak.

(2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana hal yang termasuk dalam peruntukan subseksyen (1) membuat perintah untuk penyerahan dengan cara iklan di dalam mana-mana akhbar tempatan yang difikirkan layak oleh Mahkamah.

(3) Serahan ganti hendaklah berkuasa di sisi undang-undang seperti penyerahan kepada penerima-nya sendiri.

(4) Dalam hal serahan ganti, Mahkamah, di mana perlu, hendaklah menetapkan tarikh untuk hadir pihak yang hendak diserah itu.

(5) Perintah untuk serahan ganti tidak boleh dibuat berhubung dengan—

- (a) sapina; atau
- (b) saman si berhutang hukuman; atau
- (c) mana-mana suratan yang memulakan pro-siding untuk menangkap atau menahan mana-mana orang.

Bukti
penyerahan.

91. (1) Penyerahan proses boleh, kecuali diperintah oleh Mahkamah sebaliknya, dibuktikan dengan afidavit orang yang melaksanakan penyerahan itu dan, jika penyerahan adalah ke atas penerima sendiri dan orang yang menerima itu tidak secara sendiri dikenali oleh penyerah, dengan afidavit orang yang melaksanakan penyerahan itu dan afidavit orang yang mengenalkan penerima itu kepadanya.

(2) Orang yang menerima serahan itu hendaklah menandatangani satu akuan penerimaan, tetapi ke-engganan atau ketidakupayaan menandatangani tidak akan mencacatkan penyerahan itu.



92. Mana-mana perintah untuk penyerahan, atau untuk serahan ganti, boleh diubah oleh Mahkamah. Pengubahan perintah.

93. (1) Jika Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, Qadi, atau Naib Qadi, di bawah peruntukan mana-mana Enakmen yang berkuatkuasa di mana-mana Negeri, telah mengeluarkan saman atau apa-apa suratan menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapan mana-mana Mahkamah Syar'iah di dalam Negeri itu, dan orang itu dipercayai berada di Terengganu, maka jika Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, Qadi, atau Naib Qadi di Negeri tersebut memerlukan bantuan untuk diserahkan saman atau suratan itu ke atas orang itu di Terengganu, Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, atau mana-mana Qadi di Terengganu bolehlah mencatatera dan menandatangani saman atau suratan itu, dan saman atau suratan itu bolehlah diserahkan kepada orang itu seolah-olahnya saman atau suratan itu dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini. Penyerahan berkaitan dengan Negeri-Negeri lain.

(2) Jika, di bawah mana-mana Enakmen yang berkuatkuasa di mana-mana Negeri, mana-mana saman atau suratan yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini telah dicatatera oleh Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, Qadi, atau Naib Qadi di Negeri itu dan diserahkan di Negeri itu kepada orang yang berkenaan, maka saman atau suratan itu hendaklah, bagi maksud-maksud Enakmen ini, disifatkan sebagai telah diserah dengan sahnya.

94. (1) Mahkamah hendaklah mengikut segala syarat Keterangan. Hukum Syara' berkenaan dengan saksi atau keterangan yang dikehendaki untuk membuktikan mana-mana fakta dan pengaruh, bilangan, taraf, atau mutunya.

(2) Kecuali bagaimana diperuntukkan dalam sub-seksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada undang-undang keterangan yang pada masa ini berjalan kuatkuasanya di dalam Negeri ini dan hendaklah berpandu kepada prinsip-prinsip yang tersebut di dalamnya, tetapi tidaklah terwajib menurutnya dengan tepat.

(3) Mahkamah adalah berkuasa mentadbirkan ikrar.

(4) Keterangan hendaklah pada lazimnya diberi dengan ikrar dalam bentuk yang terikat kepada orang-orang yang beragama Islam.

(5) Sesuatu ikrar itu hendaklah berbunyi: "Bahawa saya (sebut nama) berikrar dengan sesungguhnya iaitu keterangan saya ini adalah benar, semuanya benar, dan tiada yang lain melainkan yang benar" atau perkataan-perkataan yang sama maksudnya.

(6) Seseorang saksi adalah terikat supaya bercakap benar dan hendaklah berikrar sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (5) setelah dia mengaku yang dirinya menjadi seorang saksi dengan melafaz: "Bahawa saya (sebut nama) dengan ini mengaku berdiri sebagai saksi di dalam perbicaraan melawan " atau perkataan-perkataan yang sama maksudnya.

Hukuman
terus kerana
berdusta
dalam
mahkamah
terbuka.

95. (1) Jika mana-mana orang yang memberi keterangan atas apa-apa perkara dalam mahkamah terbuka dalam mana-mana prosiding, sama ada mal atau jenayah, dihadapan Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah sama ada—

- (a) memberi, pada pendapat Mahkamah, keterangan palsu dalam erti seksyen 191 Kanun Keseksaan tentang sesuatu isu yang material; atau
- (b) dengan sengaja dan mengetahuinya membuat atau dibuktikan telah membuat sedemikian dua atau lebih pernyataan-pernyataan tentang fakta atau apa yang dikatakan fakta yang berlawanan mengenai sesuatu isu yang material, sama ada pada pemeriksaan yang sama atau pada dua atau lebih pemeriksaan, dan pernyataan-pernyataan yang berlawanan itu telah dibuat di hadapan Mahkamah di mana prosiding itu dijalankan atau di hadapan Mahkamah itu dan di hadapan mana-mana Mahkamah lain, dan sama ada kebenaran atau kepalsuan pernyataan-pernyataan itu dapat ditentukan atau tidak,



(1) Jika Mahkamah memanggil saksi itu untuk menunjukkan sebab, sama ada serta-merta atau pada suatu tarikh kemudian, mengapa dia tidak sepatutnya dihukum terus kerana memberi keterangan palsu dan, jika saksi itu gagal menunjukkan sebab sedemikian, dengan terus menghukum saksi itu sebagai kerana menghina mahkamah—

- (i) jika Mahkamah itu ialah Mahkamah Tinggi Syar'iah, denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan;
- (ii) jika Mahkamah itu ialah Mahkamah Rendah Syar'iah, denda tidak melebihi tiga ratus ringgit atau penjara tidak melebihi sebulan.

(2) Bilamana sesuatu kuasa yang diberi oleh seksyen ini digunakan, orang yang dihukum itu hendaklah ada hak membuat apil yang sama seolah-olah dia telah dihukum selepas perbicaraan yang dijalankan menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(3) Mana-mana orang yang dihukum di bawah subseksyen (1) hendaklah, dengan serta-merta selepas hukuman itu dijatuhkan, diberitahu tentang haknya untuk membuat apil terhadap hukuman itu.

(4) Apabila notis apil diserahkan oleh mana-mana orang yang dihukum di bawah seksyen ini, Mahkamah yang telah memerintahkan hukuman itu hendaklah menggantung pelaksanaan hukuman itu dan hendaklah melepaskan orang yang dihukum itu atas syarat-syarat yang dijamin oleh bon peribadinya sahaja.

(5) Sebagai ganti bagi menjalankan kuasa menghukum terus yang diberi oleh subseksyen (1) Mahkamah boleh, jika ia fikirkan patut, melaporkan perkara itu kepada Pendakwa Raya.

96. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada mana-mana orang untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa suratan yang di dalam pemilikan atau kuasanya.

Saman
kerana
memberi
keterangan
atau menge-
mukakan
suratan.

Penangguhan dan perubahan tempat.

Waktu.

Mahkamah hendaklah terbuka kepada orang ramai.

Kuasa Mahkamah Tinggi Syar'iah memindah kes.

(2) Tiap-tiap saman di bawah subseksyen (1) hendaklah diserah kepada orang itu sendiri dan mana-mana orang yang diserah saman itu, sama ada dia seorang beragama Islam atau tidak, adalah terikat di sisi undang-undang supaya mematuhiinya.

97. Mahkamah boleh, dengan mempunyai sebab yang cukup, menangguhkan mana-mana prosiding dari semasa ke semasa dan beralih dari suatu tempat ke suatu tempat dan dari satu bangunan Mahkamah ke satu bangunan Mahkamah yang lain.

98. Mahkamah boleh menetapkan, dan boleh pada bila-bila masa melanjutkan atau memendekkan, masa bagi melakukan apa-apa perbuatan atau perkara dan, jika berlaku keingkaran mematuhi mana-mana perintah yang diperbuat itu, bolehlah meneruskan perkara itu seolah-olah pihak yang tidak menunaikan itu tidak hadir.

99. Tiap-tiap perbicaraan atau pendengaran di dalam Mahkamah hendaklah terbuka kepada orang ramai, tetapi Mahkamah boleh memerintahkan supaya kesemua atau mana-mana bahagian daripada mana-mana prosiding dijalankan di dalam Mahkamah yang tertutup jika ianya berpuas hati bahawa bagi maksud-maksud keadilan adalah perlu dijalankan sedemikian itu.


100. (1) Bilamana ternyata kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah dalam sesuatu perkara jenayah—

(a) bahawa perbicaraan yang adil tidak dapat diadakan di mana-mana Mahkamah Rendah Syar'iah;

(b) bahawa perintah di bawah seksyen ini boleh membawa kepada kesenangan bagi pihak-pihak atau saksi-saksi; atau

(c) bahawa perintah yang sedemikian adalah sesuai untuk mencapai matlamat keadilan,

ia boleh memerintahkan kes itu dipindah dari satu Mahkamah Rendah Syar'iah ke Mahkamah Rendah Syar'iah lain atau dipindah kepada dan dibicarakan di hadapan Mahkamah Tinggi Syar'iah.



(2) Mahkamah Tinggi Syar'iah boleh membuat perintah di bawah subseksyen (1) sama ada atas laporan Mahkamah Rendah Syar'iah, atau atas permohonan pendakwa atau orang yang dituduh, atau atas inisiatif sendiri.

(3) Apabila sesuatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah Rendah Syar'iah di mana kes itu sedang menunggu penyelesaian hendaklah menyebabkan orang yang dituduh supaya hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah yang lain itu pada tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu atau seberapa segera yang boleh jika tarikh tidak dinyatakan.

(4) Mahkamah yang kepadanya sesuatu kes itu dipindahkan di bawah seksyen ini boleh bertindak atas keterangan yang sudahpun dirakam dalam perbicaraan itu atau dirakam sebahagiannya dalam perbicaraan itu dan sebahagiannya olehnya sendiri, atau ia boleh menyaman semula saksi-saksi dan memulakan semula perbicaraan, tetapi walau bagaimanapun pendakwa atau orang yang dituduh boleh, apabila memulakan prosidingnya, memohon supaya saksi-saksi atau mana-mana daripada mereka disaman semula dan didengar semula.

Prosedur dalam Perbicaraan Jenayah

101. (1) Tidaklah boleh dimulakan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen-seksyen 197, 198, 199, 201, 204, 205, 209, 216, dan 217 kecuali dengan izin bertulis dari Pesuruhjaya.

Izin mendakwa.

(2) Tiada izin yang sedemikian itu boleh terus berkuatkuasa melainkan tindakan diambil ke atasnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh ianya diberi.

(3) Walaupun izin Pesuruhjaya telah tidak diperolehi, seseorang yang dituduh di atas kesalahan itu boleh dikeluarkan saman atau ditangkap atau waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan; dan orang itu boleh ditahan dalam jagaan atau dilepaskan dengan jaminan, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga izin telah diperolehi.

(4) Jika seseorang dibawa ke hadapan Mahkamah di bawah seksyen ini sebelum Pesuruhjaya memberi izin untuk pendakwaan itu, pertuduhan itu hendaklah diterangkan kepadanya tetapi dia tidak boleh diminta memberi jawapan, dan peruntukan undang-undang yang pada masa ini berkuatkuasa berhubung dengan prosedur jenayah hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya.

Pengaduan. **102.** (1) Sesuatu maklumat yang bertujuan menjalankan pendakwaan hendaklah dibuat dengan bertulis atau dengan lisan kepada Qadi Mahkamah Rendah Syar'iah.

(2) Jika sekiranya dibuat secara lisan, maklumat itu hendaklah ditulis oleh Qadi itu sendiri.

(3) Dalam mana-mana satu cara itu, Qadi hendaklah menghendaki orang yang memberi maklumat itu berikrar di atas kebenaran maklumat itu.

(4) Orang yang memberi maklumat itu dan Qadi hendaklah menandatangani maklumat itu.


(5) Mana-mana Qadi yang, setelah menerima maklumat itu, mendapati bahawa perkara pengaduan itu berlaku di luar bidangkuasanya atau termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah mengedarkan pengaduan itu kepada Mahkamah yang berkenaan.

(6) Mahkamah boleh enggan mengambil apa-apa tindakan di atas maklumat itu jika tidak berpuas hati bahawa ada sebab-sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan.

Saman dan waran.

103. (1) Apabila menerima maklumat tentang kejadian sesuatu kesalahan dalam bidangkuasanya untuk dibicarakan, Mahkamah bolehlah mengeluarkan saman kepada orang yang kena tuduh itu supaya hadir di hadapan Mahkamah itu pada waktu dan tempat yang dinyatakan.

(2) Saman itu hendaklah menyebut dengan amnya akan jenis kesalahan yang dipertuduhkan dan seksyen di dalam Enakmen ini atau Enakmen, Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 di bawah mana kesalahan itu boleh dihukum.



(3) Mana-mana orang yang telah disaman untuk menjawab suatu pertuduhan yang berkaitan dengan mana-mana kesalahan yang mana di bawah seksyen 220 boleh dikompaun, boleh hadir untuk menjawab pertuduhan itu sama ada bersendirian atau melalui peguam, dan boleh, dalam hal sedemikian, melalui surat yang dihantar ke Mahkamah dengan pos berdaftar, mengaku salah atas pertuduhan itu dan mematuhi perintah Mahkamah, tetapi subseksyen ini hendaklah tidak dipakai dengan mana-mana orang yang telah diserahkan notis di bawah subseksyen (5).

(4) Mana-mana saman yang dikeluarkan yang berkaitan dengan suatu pertuduhan yang termasuk di dalam peruntukan-peruntukan subseksyen (3) hendaklah mengandungi notis memberitahu orang yang dituduh mengenai hak-haknya di bawah subseksyen itu dan jumlah denda yang akan dikenakan ke atasnya, yang mana jumlah itu hendaklah dikepilkhan bersama-sama surat pengakuan salah atas kesalahan itu.

(5) Jika seseorang pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pesuruhjaya mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan kesalahan terhadap Enakmen ini atau mana-mana kaedah di bawahnya yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Rendah Syar'iah, dia boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan saman, serta-merta menyerahkan ke atas orang itu suatu notis dalam borang yang ditetapkan, memerintahkan orang itu untuk hadir di Mahkamah Rendah Syar'iah yang berdekatan sekali yang mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang hendaklah dinyatakan di dalam notis tersebut.

(6) Jika mana-mana orang yang telah diserahkan dengan suatu notis di bawah subseksyen (5) mungkir untuk hadir sendiri, maka, melainkan jika didapati bahawa, secara munasabah, adalah tidak mungkin orang itu dapat hadir sebagaimana dikehendaki, Mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa notis telahpun diserahkan, mengeluarkan waran untuk menangkap orang itu melainkan, dalam hal kesalahan yang boleh

dikompaun, orang itu telah dalam tempoh yang dite-tapkan di dalam notis itu dibenarkan mengkompaun kesalahan itu.

(7) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat kaedah-kaedah untuk maksud menetapkan bentuk apa-apa notis yang akan dikeluarkan menurut subsek-syen (5) dan (6), dan dengan amnya untuk memboleh-kan peruntukan subseksyen-subseksyen itu dilaksana-kan.

Pegawai
Penguat-
kuasa
Syar'iah.

Kuasa untuk
menghen-
daki ke-
hadiran
saksi-saksi.

Pemeriksaan
saksi-saksi.

104. Pesuruhjaya boleh melantik Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Syar'iah untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan yang boleh dibicarakan di hadapan mana-mana Mahkamah Syar'iah.

105. (1) Pegawai Penguatkuasa Syar'iah yang mem-buat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh dengan perintah bertulis menghendaki supaya hadir di hada-pannya mana-mana orang yang ternyata kepada pega-wai itu sebagai mengetahui akan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana dikehendaki itu.

(2) Jika mana-mana orang yang tertakluk kepada perintah di bawah subseksyen (1) gagal hadir sebagai-mana dikehendaki oleh perintah itu, Pegawai Penguat-kuasa Syar'iah itu boleh melaporkan kegagalan itu kepada Qadi yang bolehlah setelah itu mengeluarkan waran untuk mendapatkan kehadiran orang itu seba-gaimana dikehendaki oleh perintah itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) adalah berhak dibayar per-belanjaan perjalanan dan saraan yang munasabah yang ditanggung olehnya.

106. (1) Seseorang Pegawai Penguatkuasa Syar'iah yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang kononnya mengetahui akan fakta-fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu diwajibkan menjawab semua soalan mengenai kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh Pegawai Penguatkuasa Syar'iah itu, kecuali—

(a) dia boleh enggan menjawab mana-mana soalan jika pegawai itu gagal atau enggan



apabila diminta untuk mengeluarkan kepadanya kad pengenalan diri yang ditetapkan;

(b) dia boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang mana jawapannya berkemungkinan akan mendedahkannya kepada sesuatu tuduhan jenayah atau hukuman atau rampasan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini wajib di sisi undang-undang menyatakan yang benar, tidak kira sama ada pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan-soalan.

(4) Pegawai Penguatkuasa Syar'iah yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah pada mulanya memberitahu orang itu akan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) (b) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diturunkan menjadi tulisan dan, setelah ia-nya dibaca kepada orang itu dalam bahasa yang digunakan untuk membuatnya dan dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, hendaklah ditandatangani olehnya atau dilekatkan dengan cap jarinya.

107. (1) Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang lain, mana-mana pegawai polis atau Pegawai Penguatkuasa Syar'iah boleh menangkap tanpa waran—Tangkap
tanpa
waran.

(a) sesiapa yang melakukan atau cuba melakukannya di hadapannya mana-mana kesalahan di bawah seksyen 192 atau 193;

(b) sesiapa yang melakukan di hadapannya sebarang kesalahan di bawah Enakmen ini dan, apabila diminta, enggan atau ingkar memberi nama atau alamatnya atau memberi nama atau alamat yang diperdayai palsu;

(c) sesiapa yang terhadapnya telah dikeluar-kannya waran di bawah Enakmen ini yang masih berkuatkuasa, walaupun waran itu tiada di dalam milik orang yang menangkapnya.

(2) Tidaklah boleh mana-mana orang yang diberi kuasa menangkap di bawah subseksyen (1) membebaskan mana-mana orang yang ditangkap olehnya kecuali dia telah menandatangani bon untuk hadir di hadapan Mahkamah apabila dikehendaki.

(3) Jika seseorang yang telah ditangkap tanpa waran tidak dibebaskan di bawah subseksyen (2), dia hendaklah, dengan tidak lengah-lengah lagi dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam daripada masa dia ditangkap, tidak termasuk masa yang diperlukan untuk perjalanan, dibawa ke hadapan Mahkamah.

(4) Apabila seseorang itu dibawa ke hadapan Mahkamah, Mahkamah boleh sama ada menghendaki orang itu menandatangani bon, dengan penjamin atau tidak, untuk dia hadir di hadapan Mahkamah apabila dikehendaki, atau boleh memerintahnya ditahan dalam jagaan di bawah waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah dalam borang yang ditetapkan sehingga dia dibicarakan.

Waran
geledah.

108. (1) Seseorang Qadi, setelah berpuas hati atas maklumat bertulis yang diberi kepadanya dengan cara ikrar dan selepas apa-apa penyiasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan atau akan dilakukan di mana-mana tempat atau bangunan, bolehlah dengan waran dalam borang yang ditetapkan memberi kuasa kepada pegawai polis yang berpangkat tidak bawah daripada pangkat Inspektor atau mana-mana pegawai yang dinamakan di dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang pegawai itu fikirkan perlu, pada waktu malam atau siang hari, untuk memasuki dan menggeledah tempat atau bangunan itu serta menangkap mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan itu di dalamnya atau dekat dengan tempat atau bangunan itu.



(2) Barang siapa dalam memberi maklumat ber tulis dengan cara ikrar di bawah subseksyen (1) membuat kenyataan yang dia mengetahui atau mempercayai adalah palsu atau tidak percaya adalah benar adalah melakukan satu kesalahan.

(3) Waran geledah di bawah seksyen ini hanya sah dalam masa empat belas hari daripada tarikh ianya dikeluarkan.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen 107 (2), (3), dan (4) hendaklah dipakai dengan ubah suaian yang perlu bagi seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini.

109. Tidaklah apa-apa yang terkandung di dalam seksyen 107 dan 108 akan menyekat atau melemahkan kuasa-kuasa menangkap atau menggeledah yang diberi kepada mana-mana orang oleh Kanun Prosedur Jenayah atau mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada masa ini mengenai prosedur jenayah dalam mahkamah-mahkamah sivil.

Pengekalan
kuasa.

N.M.B.
Bab 6.

110. (1) Apabila seseorang yang dituduh itu dihadapkan ke Mahkamah, Mahkamah boleh terus mendengar pertuduhan terhadapnya atau menangguhkan atau menempohkan kes itu dengan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan bagi selama masa yang difikirkannya munasabah dan boleh membenarkan kepadanya jaminan, yang mana bolehlah diterima atas wang tunai atau bon dengan penjamin atau tidak.

Jaminan dan
tahanan.

(2) Pada masa mengeluarkan waran tangkap, Mahkamah boleh memberi kuasa kepada polis untuk memberi jamin dengan apa-apa syarat yang tercatat di dalam waran itu.

(3) Jika pendengaran pertuduhan terhadap seseorang yang dituduh itu ditangguh atau ditempohkan, maka orang itu hendaklah, melainkan jamin telah diberi, ditahan dengan waran Mahkamah di dalam jagaan dan ditahan dalam penjara sementara menanti perbicaraan.



(4) Mana-mana Mahkamah tidak boleh menahan di dalam jagaan seseorang yang dituduh bagi tempoh masa yang lebih daripada lapan hari pada sesuatu ketika.

(5) Perbicaraan seseorang yang dituduh yang ditahan di dalam penjara hendaklah dijalankan dengan seberapa segera yang boleh dan terdahulu daripada segala kerja lain Mahkamah itu, dengan tidak menghiraukan sekalipun kerja itu telah ditetapkan dengan khasnya untuk diselesaikan.

111. Pendakwaan hendaklah dijalankan oleh—

- (a) seseorang yang dilantik dengan bertulis oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendakwa;
- (b) seseorang yang dilantik oleh Pesuruhjaya untuk mendakwa;
- (c) Pendakwa Raya atau Timbalannya;
- (d) seorang pegawai polis yang berpangkat tidak bawah daripada Inspektor; atau
- (e) orang yang mengadu;

tetapi tiada sesiapapun daripada orang-orang tersebut berhak untuk mendakwa jika mana-mana orang yang tersebut sebelumnya ada dan sanggup berbuat demikian.

Pertuduhan.

112. (1) Pertuduhan hendaklah disediakan oleh pendakwa atau oleh Mahkamah dan hendaklah mengan dungi butir-butir bagi kesalahan yang dituduhkan itu agar mencukupi secara munasabah untuk pengetahuan yang dituduh mengenai perkara yang dengannya dia dituduh.

(2) Lebih daripada satu kesalahan boleh dituduhkan dalam pertuduhan yang berlainan dan dibicarakan serentak jika terbit daripada urusan yang sama.

(3) Lebih daripada seorang boleh dituduh dan dibicarakan bersama-sama bagi kesalahan yang sama atau yang berlainan jika dilakukan dalam perjalanan urusan yang sama.

(4) Pertuduhan boleh dipinda atau diubah pada bila-bila masa sebelum keputusan, tetapi orang dituduh

Pendakwaan.



itu hendaklah diberi peluang sepenuhnya untuk memanggil semula dan menyoal balik mana-mana saksi atau memberi atau memanggil apa-apa keterangan untuk menentang pertuduhan yang baharu itu.

(5) Seseorang yang dituduh dengan sesuatu kesalahan boleh disabitkan kerana cuba melakukan kesalahan itu.

113. (1) Pertuduhan hendaklah dibaca dan diterangkan kepada orang yang kena tuduh. Perbicaraan.

(2) Jika orang yang kena tuduh mengaku salah, dia boleh disabitkan dan dihukum di atas pengakuaninya itu.

(3) Jika orang yang dituduh itu menuntut supaya dibicarakan atau enggan mengaku, pendakwa hendaklah menyatakan dengan ringkasnya fakta-fakta yang hendak dibuktikan dan undang-undang yang berkaitan dan selepas itu hendaklah memanggil saksi-saksinya.

(4) Tiap-tiap saksi hendaklah diperiksa oleh pihak yang memanggilnya dan kemudian bolehlah diperiksa balas oleh pihak yang menentang.

(5) Pemeriksaan balas boleh diperbuat dengan tujuan hendak menentukan sama ada saksi itu boleh dipercayai atau tidak.

(6) Pihak yang memanggil saksi itu boleh pula selepas itu memeriksa semula di atas perkara-perkara yang timbul daripada pemeriksaan balas itu.

(7) Mahkamah boleh menyoal mana-mana saksi pada bila-bila masa.

(8) Apa-apa soalan selanjutnya boleh dikemukakan, atau saksi boleh dipanggil semula, dengan kebenaran Mahkamah.

(9) Jika selepas mendengar keterangan bagi pihak pendakwa Mahkamah dapatitidak ada kes terhadap orang yang dituduh itu yang dibuktikan yang mana jika tidak dibuktikan sebaliknya akan mensabitkan kesalahannya, Mahkamah hendaklah membebaskan dan melepaskan orang yang dituduh itu, tetapi sebaliknya, jika ada keterangan, Mahkamah hendaklah memanggil orang yang dituduh membuat pembelaan.

(10) Jika dipanggil membuat pembelaan, yang dituduh itu bolehlah berucap kepada Mahkamah, dan selepas itu bolehlah sama ada memberi keterangan dengan berikrar atau membuat kenyataan tanpa berikrar atau berdiam diri sahaja.

(11) Jika orang yang dituduh itu memilih untuk memberi kenyataan tanpa berikrar, maka dia tidaklah boleh diperiksa balas.

(12) Jika yang dituduh itu memberi keterangan dengan berikrar, dia boleh diperiksa balas, tetapi tidaklah mengenai wataknya atau mengenai lain-lain kesalahan yang tidak dipertuduhkan.

(13) Orang yang dituduh boleh selepas itu memanggil saksi-saksinya.

(14) Orang yang dituduh boleh selepas itu menggulung kes.

(15) Pendakwa boleh selepas itu menjawab pada keseluruhannya.

(16) Mahkamah hendaklah selepas itu sama ada mensabitkan kesalahan ataupun membebaskan yang dituduh.

(17) Jika yang dituduh itu disabitkan kesalahan-nya, Mahkamah bolehlah diberitahu akan kesalahan-kesalahan yang terdahulu daripada itu dan hendaklah Mahkamah memberi pertimbangan kepada sebarang permintaan kerana mengurangkan hukuman.

(18) Mahkamah hendaklah selepas itu menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang.

(19) Pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum hukuman dibuat, pendakwa boleh menarik balik pertuduhan dan selepas itu orang yang dituduh hendaklah dilepaskan daripada tuduhan itu, tetapi jika yang mengadu menjadi pendakwa, dan jika dia tidak bertindak di atas mana-mana sifat istimewa yang tertera di dalam paragraf (a) hingga (d) seksyen 111, dia tidaklah boleh menarik balik pertuduhan itu tanpa kebenaran Mahkamah.

(20) Mahkamah hendaklah pada setiap masa berpuas hati bahawa orang yang dituduh itu faham



akan jenis dan natijah prosiding itu dan mempunyai peluang yang sepatutnya untuk membela dirinya.

(21) Segala keterangan hendaklah diberi di hadapan orang yang dituduh dan hendaklah, jika bahasa yang digunakan itu tidak difahami olehnya, diterjemahkan kepadanya.

(22) Mahkamah hendaklah mencatatkan keterangan dengan bertulis secara cerita dan hendaklah juga mencatatkan keputusan dan hukumannya, jika ada.

114. (1) Mahkamah yang menjatuhkan hukuman penjara hendaklah menghantar banduan di bawah jagaan seorang pegawai polis atau seorang daripada pegawai-pegawai Mahkamah ke penjara dan menyerahkannya kepada pegawai yang menjaga penjara bersekali dengan waran untuk memenjarakannya dan dia hendaklah dipenjarakan menurut waran itu. Hukuman penjara.

(2) Jika sekiranya banduan itu telah berada di dalam penjara sementara menantikan perbicaraan, tempoh yang sudah dihabiskan dalam penjara bolehlah, jika diperintah oleh Mahkamah, disifatkan sebagai sebahagian daripada tempoh yang akan dijalani di bawah hukuman itu.

(3) Mahkamah boleh memberar jaminan sementara menantikan apil, akan tetapi jika apil itu tidak dimajukan dengan kerajinan yang sewajarnya, Mahkamah boleh memerintahkan orang itu ditangkap semula dan hukuman itu hendaklah dijalankan.

(4) Hukuman penjara boleh dijatuhkan kerana kemungkiran dari membayar denda, tetapi hukuman penjara yang sebegini tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh hukuman penjara, jika ada, yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau empat belas hari, jika kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman denda sahaja.

115. (1) Mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda boleh, dengan syarat-syarat yang ia fikirkan perlu bagi menentukan bayaran itu diperolehi, memberi masa untuk membayarnya atau memberar dibayar dengan secara beransur. Hukuman denda.

120. Dalam perkara-perkara amalan dan prosedur dalam prosiding jenayah, yang tidak diperuntukkan dengan nyata baginya dalam Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang diperbuat di bawahnya, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada mengelakkan berlakunya ketidakadilan dan kepada kelincinan perjalanan urusan dan bolehlah mengambil perhatian kepada amalan dan prosedur yang terdapat dalam mahkamah-mahkamah sivil dalam prosiding jenayah.

Perkara-perkara yang tidak diperuntukkan.

Prosedur dalam Prosiding Mal

121. (1) Semua prosiding mal dalam Mahkamah Syar'iah hendaklah dijalankan dengan memfail satu pernyataan tuntutan atau dengan membuat pengaduan lisan di Mahkamah itu, dan dalam mana-mana halpun fee yang ditentukan hendaklah dibayar.

Pernyataan tuntutan.

(2) Jika pengaduan dibuat dengan lisan, Mahkamah hendaklah membuat pernyataan tuntutan itu bagi pihak yang menuntut, yang mana hendaklah ditandatangani dan difailkan olehnya.

(3) Pernyataan tuntutan itu hendaklah mengandungi: nama-nama, alamat-alamat, dan perihal pihak-pihak, satu kenyataan yang ringkas dan tepat tentang alasan tindakan, tanpa hujah atau perincian yang tidak mustahak, dan satu kenyataan tentang kelegaan yang dituntut atau hukuman yang dipohon.

122. (1) Lebih daripada seorang boleh dicantumkan menjadi pihak menuntut atau pihak yang kena tuntut, dan lebih daripada satu alasan tindakan boleh dibangkitkan dalam perbicaraan yang sama, tetapi Mahkamah boleh memerintahkan perbicaraan yang berasingan.

Mencantum dan menyatakan.

(2) Mahkamah boleh menjalankan dua atau lebih prosiding sekali gus jika prosiding itu adalah berkaitan dengan isu-isu mengenai fakta atau undang-undang yang serupa.

123. (1) Selain daripada pernyataan tuntutan asal, pihak menuntut hendaklah menyerahkan kepada Mahkamah satu salinannya bagi tiap-tiap pihak, kena tuntut.

Saman dan penyampaian.

tidak boleh selepas itu menimbulkan alasan-alasan pembelaan yang lain dengan tiada kebenaran Mahkamah.

(3) Jika pihak kena tuntut hendak memasukkan pembelaan, Mahkamah hendaklah menetapkan satu tempoh masa dalam mana dia hendaklah berbuat demikian, yang lazimnya hendaklah tiada kurang daripada tujuh hari sebelum perbicaraan.

(4) Jika pihak kena tuntut itu hendak membangkitkan perkara-perkara dengan cara tuntutan balas, Mahkamah boleh sama ada membenarkan dia berbuat demikian, atau mengarahkannya memfailkan prosiding berasingan.

126. (1) Mahkamah boleh, atas permintaan mana-mana pihak, membuat perintah-perintah sementara dengan tujuan untuk menyelamatkan apa-apa harta yang menjadi soal, atau menjaga hak-hak mana-mana pihak, sebelum perbicaraan, atau untuk memudahkan perbicaraan itu, dan boleh membenarkan pindaan kepada mana-mana prosiding atau pembetulan mana-mana kesilapan, dengan syarat-syarat yang patut.

Prosiding sambilan.

(2) Permintaan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat dengan lisan, tetapi mana-mana pihak yang tersentuh olehnya hendaklah diberi peluang supaya didengar mengenainya.

127. (1) Pihak menuntut boleh menarik balik mana-mana prosiding pada bila-bila masa sebelum hukuman, tetapi hendaklah kena membayar kos prosiding itu, dan selepas itu tidak boleh membawa apa-apa prosiding lain atas alasan tindakan yang sama tanpa kebenaran Mahkamah.

Menarik balik dan berselesai.

(2) Pihak-pihak dalam mana-mana prosiding boleh membuat kompromi dan penyelesaian akan prosiding itu pada bila-bila masa.

(3) Mahkamah hendaklah, jika diminta oleh mana-mana pihak, merakamkan syarat-syarat sesuatu penyelesaian.

(4) Wakil dari harta pesaka si mati atau wakil yang dilantik di bawah seksyen 124(2) tidak boleh menarik balik atau membuat penyelesaian dengan tiada kebenaran Mahkamah, yang hendaklah mengambil perhatian tentang kepentingan benefisiari-benefisiari atau orang-orang yang diwakili.

Perbicaraan
atau pen-
dengaran.

128. (1) Jika, pada masa yang ditetapkan bagi perbicaraan, pihak menuntut tidak hadir, maka prosiding itu boleh dibatalkan.

(2) Jika pihak menuntut hadir, tetapi pihak kena tuntut tidak hadir, pihak menuntut boleh membuktikan kesnya dan Mahkamah boleh memberi hukuman.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan (2)—

- (a) dalam mana-mana hal Mahkamah boleh memerintahkan penangguhan; dan
- (b) Mahkamah boleh membicarakan tuntutan balas sungguhpun tuntutan utama sudah dibatalkan.

(4) Jika pihak kena tuntut hadir dan mengaku tuntutan pihak menuntut itu, Mahkamah boleh memberi hukuman tanpa mendengar keterangan.

(5) Jika pihak kena tuntut hendak membela diri, pihak yang hukuman akan diberi terhadapnya mengikut tuntutan surat guaman dan pengakuan yang dibuat, jika tiada keterangan diambil, adalah berhak memulakan.

(6) Tiap-tiap satu pihak boleh berucap kepada Mahkamah dan boleh selepas itu memberi keterangan dan memanggil saksi-saksinya yang akan disoal dan boleh disoal balas, disoal semula, disoal oleh Mahkamah, dan dipanggil semula seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 113 bagi prosiding jenayah.

(7) Selepas selesai keterangan, tiap-tiap satu pihak boleh menggulung kesnya, tetapi pihak yang memulakan hendaklah kemudian sekali berucap kepada Mahkamah.

(8) Mahkamah boleh mengambil apa-apa keterangan yang difikirkannya perlu, tetapi tiada mana-mana pihak pun diwajibkan memberi keterangan bertentangan dengan kehendaknya.

(9) Selepas itu Mahkamah hendaklah memberi hukuman di dalam Mahkamah terbuka, sama ada pada masa itu juga atau pada masa akan datang, dalam hal mana notis hendaklah diberi kepada semua pihak.

129. (1) Tiap-tiap hukuman Mahkamah hendaklah, Hukuman. selepas diberi, dibuat secara bertulis, diberi tarikh, ditandatangani, dan dimeterai, dan hendaklah disimpan bersama-sama dengan rekod.

(2) Mana-mana pihak adalah berhak mendapatkan satu salinan yang sah hukuman itu dengan membayar fee yang ditentukan.

(3) Tandatangan hukuman di bawah subseksyen (1) hendaklah dilakukan oleh Qadi Besar, Timbalan Qadi Besar, atau Qadi yang membicarakan, atau oleh Pendaftar bagi Mahkamah yang berkenaan.

(4) Sesuatu hukuman boleh menetapkan hak-hak pihak-pihak atau boleh memerintahkan mana-mana pihak melakukan apa-apa perbuatan atau perkara, termasuklah pembayaran wang, atau kedua-duanya sekali.

130. Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pihak membayar perbelanjaan mana-mana prosiding, Perbelanjaan. termasuklah perbelanjaan perjalanan dan sara hidup pihak-pihak dan saksi-saksi, dan hendaklah Mahkamah itu sendiri menaksir jumlah perbelanjaan yang diperintahkannya supaya dibayar itu.

131. (1) Jika sesiapa yang terikat kepada mana-mana hukuman atau perintah Mahkamah mungkir mematuhiinya dalam masa yang pada pertimbangan Mahkamah berpatutan, Mahkamah boleh, atas permohonan sesiapa yang berhak mendapat faedah di bawah hukuman atau perintah itu, atau dengan kehendak Mahkamah sendiri, menghantar satu salinan yang sah hukuman atau perintah itu kepada mana-mana Mahkamah Majistret yang berkuasa di tempat itu, bersama dengan Pelaksanaan

satu permintaan dialamatkan kepada Majistret itu supaya hukuman atau perintah itu dilaksanakan, dan Mahkamah Majistret itu hendaklah melaksanakan hukuman atau perintah itu dan menggunakan apa-apa kuasa sampingan berhubung dengan hukuman atau perintah itu, termasuklah kuasa menangkap dan mempenjarakan dan mengeluarkan saman si berhutang hukuman, dengan cara yang sama seolah-olah hukuman atau perintah itu diberi atau dibuat olehnya sendiri.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah mempunyai segala kuasa dan hak mengenai pelaksanaan hukuman dan perintahnya sendiri sepertimana yang diberi dan dipertanggungkan ke atas mahkamah-mahkamah rendah di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 atau mana-mana kaedah lain yang sama yang dari semasa ke semasa berkuatkuasa, kecuali dia tidaklah boleh mengeluarkan pelaksanaan bersabit dengan harta takalih.

(3) Qadi Besar hendaklah mempunyai kuasa melantik mana-mana pegawai rendah Mahkamahnya untuk menjadi bailif bagi Mahkamah itu.

(4) Mahkamah Rendah Syar'iah boleh, sebagai ganti mengambil perjalanan di bawah subseksyen (1), dalam keadaan dan dengan cara yang serupa meminta Mahkamah Tinggi Syar'iah melaksanakan hukuman atau perintah Mahkamah Rendah Syar'iah dan dengan itu Mahkamah Tinggi Syar'iah bolehlah melaksanakan hukuman atau perintah itu dan boleh menggunakan segala kuasa berhubung dengannya seperti yang diberi oleh subseksyen (1) kepada Mahkamah Majistret.

Merakamkan
keterangan
sebelum
perbicaraan.

132. Mahkamah boleh, jika ada kemungkinan bahawa seseorang yang dicadangkan menjadi saksi dalam mana-mana prosiding tidak akan dapat memberi keterangan pada masa perbicaraan atau pendengaran, merakam keterangan yang bertulis daripada saksi itu dan keterangan yang dirakamkan sebegitu boleh digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan atau pendengaran kelak, dengan syarat bahawa mana-mana pihak menentang telah diberi peluang sewajarnya untuk hadir dan menyatakan balas.

133. (1) Apabila sesuatu kesalahan sebagaimana yang diperihalkan dalam seksyen 175, 178, 179, 180, atau 228 Kanun Keseksaan dilakukan dalam pandangan atau di hadapan mana-mana Mahkamah Syar'iah, sama ada mal atau jenayah, Mahkamah boleh menyebabkan pesalah itu supaya ditahan dalam jagaan dan, pada bila-bila masa sebelum Mahkamah ditangguhkan pada hari itu, boleh, jika ia fikirkan patut, mengiktirafkan kesalahan itu dan menghukum pesalah itu denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau, jika denda tidak dibayar, penjara tidak melebihi dua bulan.

(2) Dalam setiap kes sedemikian Mahkamah hendaklah merakamkan fakta-fakta yang menjadikan kesalahan itu, dengan pernyataan, jika ada, yang dibuat oleh pesalah itu serta juga kedapatan dan hukuman.

(3) Jika kesalahan itu adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 228 Kanun Keseksaan, rekod hendaklah menunjukkan jenis dan peringkat prosiding dalam mana Mahkamah yang diganggu atau dicela itu sedang bersidang, dan jenis gangguan atau celaan itu.

(4) Jika Mahkamah memikirkan bahawa pesalah itu boleh diselesaikan dengan lebih baik melalui proses undang-undang biasa, maka Mahkamah, sebagai ganti rugi bertindak di bawah subseksyen (1), boleh melaporkan perkara itu kepada Pendakwa Raya.

(5) Apabila sesuatu Mahkamah telah, di bawah subseksyen (1), memutuskan seseorang pesalah itu dihukum kerana enggan atau tidak melakukan sesuatu yang dia dikehendaki dengan sahnya supaya melakukan atau kerana apa-apa cacian atau gangguan yang sengaja, Mahkamah bolehlah melepaskan pesalah itu atau menghapuskan hukuman itu apabila dia tunduk kepada perintah atau kehendak Mahkamah atau apabila dia meminta maaf dengan cara yang memuaskan hati Mahkamah.

(6) Bilamana sesuatu kuasa yang diberi oleh seksyen ini dijalankan oleh Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah, orang yang dihukum

Prosedur tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam Mahkamah.
N.M.B.
Bab 45.

itu hendaklah ada hak untuk membuat apil yang sama seolah-olah dia telah dihukum selepas perbicaraan yang dijalankan menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(7) Mana-mana orang yang dihukum di bawah subseksyen (1) oleh Mahkamah Tinggi Syar'iah atau Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah, dengan serta-merta selepas hukuman dijatuhkan, diberitahu tentang haknya membuat apil terhadap hukuman itu.

(8) Apabila notis apil diserahkan oleh mana-mana orang yang dihukum di bawah seksyen ini, Mahkamah yang memerintahkan hukuman itu hendaklah menggantung pelaksanaan hukuman itu dan hendaklah melepaskan orang yang dihukum itu atas syarat-syarat yang dijamin oleh bon peribadinya sahaja.

Orang-orang miskin.


134. Mahkamah boleh dengan bertulis membenarkan sesiapa mendakwa, membela, atau membuat apil dalam mana-mana prosiding sebagai seorang miskin, dan dalam hal demikian fee Mahkamah yang biasanya kena dibayar adalah tidak kena dibayar oleh orang itu.

Perkara-perkara yang tidak diperlukan.

135. Dalam perkara-perkara amalan dan prosedur dalam prosiding mal, yang tidak nyata diperlukan dalam Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat dibawahnya, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada mengelakkan ketidakadilan dan menyelesaikan urusan dengan senang dan bolehlah memberi perhatian kepada amalan dan prosedur yang terdapat di Mahkamah Majistret dalam prosiding mal.

Perlindungan pegawai kehakiman.

136. (1) Qadi atau orang yang lain yang bertindak dalam hal kehakiman tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah sivil kerana apa jua perbuatan yang dilakukannya atau diperintahkannya untuk dilakukan dalam pelepasan kewajipan kehakimannya, sama ada di dalam hak bidangkuasanya atau tidak, dan tiada apa jua perintah kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa pada masa itu dengan suci hati dia mempercayai dirinya mempunyai bidangkuasa untuk membuat atau memerintahkan perbuatan yang dijadukan itu.



(2) Pegawai mana-mana Mahkamah atau mana-mana orang lain yang terikat untuk melaksanakan mana-mana waran atau perintah Mahkamah yang sah atau mana-mana orang lain yang bertindak dalam hal kehakiman tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah sivil kerana pelaksanaan mana-mana waran atau perintah yang dia terikat untuk melaksanakannya jika waran atau perintah itu adalah dalam bidangkuasa orang yang mengeluarkannya.

137. Prosiding di bawah Enakmen ini berkait dengan Nafkah nafkah orang-orang dalam tanggungan hendaklah disifatkan sebagai prosiding mal.

BAHAGIAN IV

PERKARA-PERKARA KEWANGAN

Kumpulan Wang Majlis

138. (1) Segala hartabenda, pelaburan, dan kumpulan wang, termasuklah kumpulan wang yang sebelum ini menjadi Bait-ul-Mal dan baki kumpulan wang daripada kumpulan wang Zakat, yang terletakhak dari semasa ke semasa pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini, selain daripada—

Kumpulan
Wang
Majlis.

- (a) harta benda yang dipegang, menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana amanah, wakaf, atau nazar yang mengenai dengannya, bagi sesuatu maksud yang tertentu atau tertakluk kepada amanah-amanah tertentu yang nyata, bersekali dengan pendapatan daripadanya;
- (b) semua fee, denda, dan rampasan yang dipungut atau dikenakan oleh Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini,

hendaklah menjadi Kumpulan Wang Majlis dan hendaklah dipegang oleh Majlis sebagai amanah bagi maksud-maksud khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau untuk faedah orang-orang Islam menurut Hukum Syara' sebagaimana Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan nasihat Majlis, mendapati dari semasa ke semasa patut.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1)—

- (a) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberi arahan, yang tidak berlawanan dengan Hukum Syara' atau dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, untuk memungut atau membelanjakan mana-mana bahagian daripada Kumpulan Wang atau pendapatan daripadanya dan boleh, dengan cara yang sama, menegah sebarang perbelanjaan yang dicadangkan daripadanya;
- (b) sebarang pelaburan, aset, dan kumpulan wang yang terletakhak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan, dan dilupuskan, dan ia serta pendapatan-pendapatan daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa ke dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuatkuasa bagi pelaburan kumpulan wang amanah.

(3) Wang-wang yang didapati daripada punca-punca yang tersebut dalam subseksyen (1) (b) hendaklah dikreditkan kepada hasil Negeri.

Bait-ul-Mal. **139.** (1) Apakala seseorang Islam itu mati dalam keadaan yang, menurut Hukum Syara', menjadikan mana-mana bahagian daripada pesakanya itu terhak kepada Bait-ul-Mal, bahagian itu hendaklah terletakhak pada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(2) Tiap-tiap wasi kerana menjalankan wasiat seseorang Islam yang telah mati dan tiap-tiap pentadbir harta pesaka seseorang Islam yang telah mati hendaklah, jika ada mana-mana bahagian daripada harta pesaka si mati itu yang terhak kepada Bait-ul-Mal dalam Negeri ini, memberitahu hal itu kepada Yang Dipertua dan memberi kepadanya satu kenyataan yang sebenar dan lengkap berkenaan dengan nilai dan jenis harta pesaka itu dalam tempoh sebulan daripada masa memperolehi surat probet atau surat-surat pentadbir pesaka, menurut mana yang berkenaan, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan masa yang dibenarkan dengan bertulis oleh Yang Dipertua dengan syarat-syarat sebagaimana dia fikirkan patut.

(3) Tiap-tiap wasi atau pentadbir harta pesaka yang tersebut itu hendaklah membayar kepada Majlis akan jumlah wang yang bersamaan dengan nilai bahagian daripada harta pesaka yang terhak kepada Bait-ul-Mal dalam masa sebulan selepas daripada disampaikan satu notis kepadanya daripada Majlis meminta akan wang itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan masa yang dibenarkan oleh Yang Dipertua dengan bertulis dengan syarat-syarat sebagaimana dia fikirkan patut.

(4) Tidaklah boleh wasi atau pentadbir harta pesaka yang tersebut itu memohon kepada mana-mana Mahkamah supaya melepaskan dia sehingga dia telah menunjukkan satu surat akuan daripada Yang Dipertua menyatakan tidak ada bahagian di dalam pesaka itu yang terhak kepada Bait-ul-Mal atau menyatakan yang bahagian tersebut itu telahpun dibayar.

(5) Wang-wang yang terhak kepada Bait-ul-Mal boleh dituntut sebagai suatu hutang yang patut dibayar kepada Negeri dari—

(a) sebarang wasi atau pentadbir harta yang berkenaan dengannya wang itu patut dibayar, atau mana-mana penjamin mereka;

(b) sebarang orang yang telah mengambil milik (selain daripada sebagai pembeli suci hati dengan nilai), atau yang telah mentadbir, sebarang bahagian daripada harta pesaka itu, tetapi hanya setakat bahagian itu;

(c) sebarang orang yang telah mendapat milik sebarang bahagian harta pesaka itu sebagai beneficiari walaupun harta pesaka itu telah dibahagikan mengikut perintah Mahkamah; dan

(d) sebarang orang yang terhutang kepada si mati, setakat jumlah hutang itu.

(6) Sesuatu hukuman yang diperolehi terhadap seseorang atau lebih daripada mereka yang tersebut dalam subseksyen (5) tidak menghalang apa-apa guaman terhadap mana-mana orang lain.

Tanggung-jawab
Pentadbir
Tanah
Daerah.
56/65.

Surat akuan
Yang Dipertua
boleh
diterima
sebagai
keterangan.

Deposit.

Wakaf dan
nazar.

140. Pentadbir Tanah Daerah adalah ditegah daripada membuat apa-apa perintah di bawah seksyen 346 atau 348 Kanun Tanah Negara berhubung dengan mana-mana tanah yang menjadi sebahagian daripada harta pesaka seseorang Islam yang telah mati sehingga dia telah berpuas hati yang mana-mana bahagian harta pesaka itu yang terhak kepada Bait-ul-Mal telah diselesaikan atau Majlis telah memberar penangguhan atau penyelesaian seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 141(2).

141. (1) Surat akuan yang ditandatangani oleh Yang Dipertua hendaklah diterima dalam sebarang Mahkamah sebagai keterangan pada zahirnya bahawa sebahagian daripada harta pesaka adalah terhak kepada Bait-ul-Mal dan tentang nilainya.

(2) Jika Yang Dipertua berpuas hati bahawa bahagian yang terhak kepada Bait-ul-Mal tidak dapat dijelaskan dengan serta-merta, dia boleh memberar penangguhan atau penyelesaian atas apa-apa syarat yang dia fikirkan patut, dan hendaklah mengesahkan dengan bertulis yang dia telah memberarkan demikian.

142. Majlis bolehlah menerima deposit ke dalam Kumpulan Wang daripada individu-individu, badan-badan, atau organisasi-organisasi Islam atas terma-terma dan syarat-syarat tentang bayaran balik dan pelaburannya dan faedah-faedah yang boleh dibayar atasnya, atau selainnya, sebagaimana dipersetujui di antara Majlis dan pendeposit.

143. Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara atau pengisyiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh kepada perkara itu, maka hendaklah Majlis menjadi pengawal tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, dan semua nazar am, dan semua amanah dari serba jenis yang mewujudkan amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syara' dan yang terletak di dalam Negeri ini atau, jika orang yang membuat penyelesaian harta itu atau lain-lain orang yang mewujudkan amanah, wakaf, atau nazar

am itu berdomisil di Negeri ini, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana jua harta itu terletak.

144. (1) Segala harta yang, pada tarikh yang ditetapkan, tertakluk kepada seksyen 143 hendaklah, jika terletak di dalam Negeri ini, terletakhak pada Majlis. Perletakan hak.

(2) Harta takalih yang terletakhak menurut sub-seksyen (1) boleh direkod atau didaftarkan dengan nama Majlis setelah ditunjukkan keterangan yang memuaskan hati Pentadbir Tanah bahawa harta itu adalah tertakluk sedemikian itu, dan Pentadbir Tanah boleh, dengan tersyarat kepada pengesahannya dan pengakuannya sedemikian itu, menerima sebagai keterangan akan senarai-senarai harta takalih yang tertakluk sedemikian itu, yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(3) Harta takalih yang, kemudian daripada tarikh yang ditetapkan, menjadi tertakluk kepada seksyen 143 bolehlah direkod atau didaftarkan dengan nama Majlis setelah diserahkan memorandum pindah milik yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan ataupun setelah memasukkan dengan Pentadbir Tanah satu perintah Mahkamah atau Pentadbir Tanah dalam guaman probet, pentadbiran, atau pembahagian pesaka.

(4) Majlis hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk meletakhak pada Majlis bagi maksud-maksud yang bersamaan akan sebarang harta yang sebegini yang terletak di luar daripada Negeri ini.

145. (1) Yang Dipertua hendaklah, dengan keampunan berkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, mempunyai kuasa pada memperuntukkan untuk saraan sejumlah wang yang tertentu yang terbit daripada mana-mana wakaf yang tidak ditentukan semata-mata kerana kebijakan Agama Islam dan orang-orang Islam amnya dan yang pada ketika itu terletak di bawah kawalan Majlis. Saraan.

(2) Jumlah wang yang hendak diperuntukkan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh peratus daripada pendapatan-pendapatan tahunan dan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

Pendapatan
daripada
wakaf dan
nazar am.

146. (1) Pendapatan daripada sesuatu wakaf khas, jika ada diterima oleh Majlis, hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah wakaf khas itu.

(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf yang lain dan tiap-tiap nazar am hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang dan menjadi sebahagian daripadanya.

Modal
wakaf dan
nazar am.

147. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), harta dan aset modal yang tersentuh oleh mana-mana wakaf atau nazar am yang sah tidaklah akan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang, tetapi hendaklah digunakan menurut sebagaimana kehendak-kehendak wakaf atau nazar am itu dan dipegang sebagai Kumpulan Wang yang berasingan.

(2) Jika, oleh sebab lampau masanya atau dengan sebab perubahan keadaan, maka tidak dapat lagi hendak dijalankan dengan mendatangkan faedah akan kehendak-kehendak tepat bagi mana-mana wakaf atau nazar am, Majlis hendaklah menyusun suatu rancangan bagi menggunakan harta dan aset yang tersentuh olehnya dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh syarat-syarat di dalam wakaf atau nazar am itu, dan hendaklah menggunakan sewajarnya; atau Majlis bolehlah, dengan keampunan berkenan yang bertulis daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, mengarah supaya harta dan aset itu hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(3) Jika syarat-syarat di dalam mana-mana wakaf atau nazar am itu tidak menyebut akan cara bagaimana harta dan aset modal yang tersentuh olehnya patut digunakan, atau menjadi kesamaran tentang bagaimana ia hendak digunakan, maka Majlis boleh mengarahkan supaya harta dan aset modal itu ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(4) Segala suratcara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf atau nazar am, bersekali dengan mana-mana suratan hak milik atau lain-lain cagaran yang bersabit dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

148. Jika, pada pendapat Majlis atau Yang Dipertua, makna atau natijah mana-mana suratcara atau pengisyhtiran yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf atau nazar am adalah kesamaran atau tidak berketentuan, maka bolehlah perkara itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa bagi pendapatnya tentang makna dan natijahnya, dan Yang Dipertua hendaklah, setelah diampuni berkenan dengan bertulis oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, menjalankan menurut sebagaimana pendapat yang diberi oleh Jawatankuasa Fatwa atau sebilangan besar daripadanya.

Pengertian suratcara.

Akaun

149. Yang Dipertua hendaklah menyebabkan supaya disimpan suatu akaun Kumpulan Wang yang lengkap dan betul dan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 haribulan Disember bagi tiap-tiap tahun, mengeluar dan menyiarkan dalam *Warta* suatu penyata mengenai aktiviti-aktiviti Majlis bagi tahun yang sebelumnya, bersekali dengan lembaran imbangan Kumpulan Wang pada 31 haribulan Disember, kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu, dan suatu senarai harta benda dan pelaburan Kumpulan Wang yang menunjukkan harga beliannya, jika ada dibeli, dan anggaran nilainya pada 31 haribulan Disember.

Penyata tahunan.

150. (1) Lembaran imbangan tahunan, kira-kira pendapatan dan perbelanjaan, dan senarai pelaburan yang tersebut hendaklah, sebelum dikeluarkan, diaudit dan diakui betul oleh Ketua Audit Negara atau mana-mana juruaudit lain yang dilantik oleh Majlis.

Audit.

(2) Satu salinan surat akuan Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik itu hendaklah dikembangkan kepada semua salinan penyata dan kira-kira yang dikeluarkan itu.

151. Dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 haribulan Disember dalam tiap-tiap tahun, Yang Dipertua hendaklah menyedia, mengeluar, dan menyiarkan dalam *Warta* satu senarai, yang telah diaudit dengan cara yang dinyatakan dalam seksyen 150, yang mengandungi segala harta, pelaburan, dan aset yang terletakhak

Harta wakaf dan nazar.

pada Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf, atau nazar, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

Anggaran
pendapatan
dan perbe-
lanjaan.

152. (1) Majlis hendaklah menyedia dan menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, tidak lewat daripada 31 haribulan Oktober dalam tiap-tiap tahun, anggaran-anggaran bagi kesemua pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk anggaran segala harta yang harus diterima dan dilupuskan dalam bentuk barang-barang, bagi tahun yang berikut.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh meluluskan anggaran-anggaran itu atau boleh memerintahkan ianya dipinda.

(3) Apabila telah dilulus atau dipinda, maka anggaran-anggaran itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Majlis boleh pada bila-bila masa menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan anggaran perbelanjaan tambahan bagi tahun yang sedang berjalan itu, atau, pada bila-bila masa sebelum daripada 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, bagi tahun yang lalu, dan tambahan itu boleh dilulus atau dipinda, dan hendaklah disiarkan, dengan cara yang sama.

(5) Tidaklah boleh dibelanjakan wang melainkan mengikut anggaran-anggaran yang diluluskan dan dengan menggunakan baucar yang ditandatangani oleh Yang Dipertua, dan tidaklah boleh dilupuskan mana-mana harta melainkan dengan persetujuan Majlis.

Perbelanjaan
mengurus.

153. Semua perbelanjaan, pembayaran, dan belanja kerana mentadbirkan harta dan aset yang terletakhak pada Majlis, termasuk perbelanjaan senggaraan dan membaiki mana-mana harta takalih, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Kumpulan Wang.

Banker.

154. Majlis boleh melantik mana-mana banker bagi Majlis.

Zakat dan Fitrah

Kuasa-
kuasa
Jabatan.

155. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Jabatan hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah menjadi tanggungannya, untuk memungut

dan mengendalikan semua zakat dan fitrah yang kena dibayar di dalam Negeri ini mengikut Hukum Syara' bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan dan seperti yang diarah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan bertindak atas nasihat Majlis.

156. Pesuruhjaya hendaklah menjadi Pengawal Zakat dan Fitrah bagi Negeri ini dan bolehlah dia melantik Timbalan-Timbalan Pengawal, Nazir Zakat, Penolong Nazir Zakat, Amil, dan Penolong-Penolong Amil dalam tiap-tiap mukim masjid sebagaimana yang dia fikirkan perlu.

Pengawal,
Timbalan
Pengawal,
Nazir, dan
Amil.

157. (1) Pesuruhjaya hendaklah menyediakan, dari semasa ke semasa sebagaimana dia fikirkan perlu, taksiran-taksiran berkenaan dengan orang-orang yang kena membayar zakat, menunjukkan kadar dan banyaknya serta tempoh masa yang mereka itu kena bayar, dan menyampaikan taksiran-taksiran itu kepada mereka.

Taksiran
zakat.

(2) Pesuruhjaya hendaklah berkuasa untuk mendapat apa-apa maklumat daripada mana-mana orang yang menganut Agama Islam yang boleh dikenakan membayar zakat atau fitrah.

(3) Barang siapa mengingkari memberi maklumat yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang boleh membuat bantahan kepada Pesuruhjaya di atas penyampaian kepadanya akan sesuatu taksiran atau kadar atau banyaknya zakat yang dia ditaksirkan kena bayar.

(5) Pesuruhjaya hendaklah menimbang setiap bantahan itu dan bolehlah membuat keputusan ke atasnya sebagaimana yang ditimbangkan adil.

(6) Apil di atas keputusan Pesuruhjaya bolehlah dibuat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, jika perkara itu bernilai tidak kurang daripada seratus ringgit.

(7) Mana-mana apil di bawah subseksyen (4) bolehlah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa

untuk mendapatkan pandangannya, dan kemudian di-putuskan seolah-olah ianya adalah suatu apil mal dari-pada Mahkamah Rendah Syar'iah.

(8) Tiadalah boleh mana-mana Mahkamah mem persoalkan tentang adilnya apa-apa taksiran yang dibuat atau diputuskan di bawah seksyen ini.

Tanggungan
membayar
zakat.

158. (1) Zakat hendaklah dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang menghasilkan padi, jagung, atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa mengikut Hukum Syara', yang peng hasilannya tidak kurang daripada 5 ausuq (300 gantang Baghdad) atau yang bersamaan dengannya dalam mana-mana satu tahun, pada kadar yang tidak lebih daripada sepuluh peratus daripada jumlah penghasilannya itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), zakat kerbau lembu hendaklah dikeluarkan pada kadar yang berikut:

Tidak kurang daripada 30 tetapi tidak lebih daripada 39 ekor	... seekor anak lembu atau kerbau berumur tidak kurang daripada satu tahun.
Tidak kurang daripada 40 tetapi tidak lebih daripada 59 ekor	... seekor anak lembu atau kerbau berumur tidak kurang daripada dua tahun.
Tidak kurang daripada 60 tetapi tidak lebih dari pada 69 ekor	... dua ekor anak lembu atau kerbau berumur tidak kurang dari pada satu tahun.

(3) Bagi jumlah lembu atau kerbau yang lebih daripada 69 ekor, maka kadarnya hendaklah ditentukan mengikut beberapa kali jumlah itu boleh dibahagi kan dengan tiga puluh atau empat puluh ataupun kedua-duanya dan dengan itu, bagi tiap-tiap 30 ekor yang genap, kadarnya ialah seekor anak lembu atau kerbau yang berumur tidak kurang daripada satu tahun, dan bagi tiap-tiap 40 ekor genap, kadarnya ialah seekor anak lembu atau kerbau yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

(4) Zakat kambing atau biri-biri hendaklah dikeluarkan pada kadar yang berikut:

Tidak kurang daripada 40 ... seekor biri-biri yang berumur tidak kurang daripada satu tahun atau seekor kambing yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

Tidak kurang daripada 121 tetapi tidak lebih daripada 200 ekor ... dua ekor biri-biri yang berumur tidak kurang daripada satu tahun atau dua ekor kambing yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

Tidak kurang daripada 201 tetapi tidak lebih daripada 399 ekor ... tiga ekor biri-biri yang berumur tidak kurang daripada satu tahun atau tiga ekor kambing yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

Bagi 400 ekor ... empat ekor biri-biri yang berumur tidak kurang daripada satu tahun atau empat ekor kambing yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

Selepas daripada itu, bagi tiap-tiap 100 ekor genap, ditambahkan seekor biri-biri atau kambing yang berumur tidak kurang daripada dua tahun.

(5) Zakat hendaklah dikeluarkan di atas harta-benda selain daripada yang tersebut di dalam subseksyen (1), (2), dan (4) sebagaimana berikut:

(a) bagi emas, yang mulai kena dikeluarkan zakat ialah yang beratnya 20 mithqal atau lebih, pada kadar $2\frac{1}{2}$ peratus daripada jumlah nilai harga emas yang dimiliki itu;

- (b) bagi perak, yang mulai kena dikeluarkan zakat ialah yang beratnya 200 derham atau lebih, pada kadar $2\frac{1}{2}$ peratus daripada jumlah nilaiang harga perak yang dimiliki itu;
- (c) bagi barang perniagaan, yang mulai kena dikeluarkan zakat ialah nilaiang harganya menyamai 20 *mithqal*, pada kadar $2\frac{1}{2}$ peratus daripada jumlah nilaiang harga barang perniagaan yang dimiliki itu;
- (d) bagi emas atau perak yang dijumpai sebagai rikaz, pada kadar 20 peratus daripada jumlah nilaiang harta yang dijumpai itu.

Tanggungan membayar fitrah.

159. (1) Fitrah hendaklah dibayar oleh sekalian penduduk yang beragama Islam di dalam Negeri ini, melainkan mereka yang dikecualikan daripada membayarnya oleh Hukum Syara', dan kadar pembayaran bagi setiap orang ialah satu gantang Baghdad beras atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa mengikut Hukum Syara' atau dengan wang tunai sebanyak sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Yang Dipertua dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Satu gantang Baghdad adalah bersamaan dengan tiga kati dua belas tahil atau yang bersamaan dengannya.

Pembayaran zakat.

160. Zakat padi, jagung, atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa mengikut Hukum Syara' hendaklah dibayar dengan padi, jagung, atau lain-lain makanan asas atau dengan wang tunai menurut nilaiang harganya sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengawal dari semasa ke semasa.

Pembayaran fitrah.

161. Fitrah bagi mana-mana tahun hendaklah dibayar kepada Pengawal, Timbalan Pengawal, Amil, atau Penolong Amil tidak lewat daripada 1 haribulan Syawal yang berikutnya.

Resit-resit dan kira-kira.

162. (1) Jabatan hendaklah mengeluarkan resit-resit yang berseturut nombornya di dalam borang yang ditetapkan bagi tiap-tiap pengeluaran zakat dan fitrah,

sama ada dengan wang tunai atau dengan benda yang dikeluarkan.

(2) Semua zakat dan fitrah yang diterima oleh Jabatan hendaklah dimasuk kira-kira dan hendaklah dipegang, disimpan, dan diselenggarakan oleh Jabatan mengikut cara sebagaimana yang diperintah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasihat Majlis.

(3) Pesuruhjaya hendaklah menyebab supaya semua kira-kira zakat dan fitrah itu diaudit dan bagi maksud ini bolehlah dilantik dan digajikan penyiasat-penyiasat.

163. Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan nasihat Majlis boleh membuat kaedah-kaedah kerana mengaturkan seterusnya pungutan, pentadbiran, dan pembahagian zakat dan fitrah. Kaedah-Kaedah.

Pungutan kerana Khairat

164. (1) Pesuruhjaya boleh memungut atau memberi lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang, membenarkan mereka memungut wang atau pendermaan bagi apa-apa tujuan khairat kerana membantu dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syara', dan bolehlah di dalam lesen sedemikian mengenakan apa-apa syarat yang dia fikirkan patut. Pungutan-pungutan kerana khairat.

(2) Hendaklah disifatkan sebagai menjadi satu syarat bagi tiap-tiap lesen itu bahawa pemegangnya dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan oleh lesen itu memungut wang atau derma hendaklah—

- (a) mengeluarkan bagi setiap wang yang dipungut itu resit-resit berseturut nombornya dalam borang yang ditetapkan;
- (b) menyimpan kira-kira yang lengkap dan betul bagi kesemua wang yang dipungut itu dan tentang penggunaannya, dengan baucar-baucar yang sempurna menyokongnya;
- (c) menunjukkan apabila diminta akan tunggul-tunggul resit dan segala kira-kira

dan baucar tersebut bagi pemeriksaan dan audit oleh Pesuruhjaya;

- (d) memakai dan menggunakan segala wang yang dipungut itu mengikut syarat-syarat lesen, atau, jika tidak ditetapkan cara-cara memakai dan menggunakan wang itu, menyerah dan memasukkannya ke dalam kira-kira Majlis.

(3) Wang yang dipungut mengikut seksyen ini bolehlah digunakan bagi sesuatu maksud yang tertentu jika Pesuruhjaya memberi perintah sedemikian itu, akan tetapi hendaklah, jika tidak ada sebarang perintah yang sebegini, dimasuk dan dijadikan sebahagian dari pada Kumpulan Wang.

(4) Tidaklah boleh mana-mana orang membuat atau mengambil bahagian dalam pekerjaan memungut wang atau derma bagi apa-apa maksud khairat yang tersebut dalam subseksyen (1) melainkan dengan kuasa yang nyata daripada Pesuruhjaya atau dengan kuasa dan mengikut lesen sebagaimana yang diberi di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN V

MASJID

Majlis
sebagai
pemegang
amanah.

165. (1) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara yang bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi kesemua masjid dalam Negeri ini dan tiap-tiap masjid, bersekali dengan harta takalih yang di atasnya terdiri masjid itu atau yang berhubung dengannya dan digunakan maksud-maksud masjid itu, kecuali tanah Kerajaan atau tanah yang disimpan bagi satu-satu maksud awam, hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletakhak pada Majlis dan dikawal oleh Pesuruhjaya.

(2) Mana-mana tanah yang terletakhak pada Majlis menurut subseksyen (1) atau kemudiannya menjadi terletakhak yang sebegini hendaklah didaftarkan dengan nama Majlis setelah Pentadbir Tanah berpuas hati sebagaimana cara yang diperuntukkan dalam seksyen 144.

166. Menurut seksyen 165, Pesuruhjaya hendaklah menyenggara satu buku daftar seperti yang ditetapkan, mengandungi butir-butir mengenai tiap-tiap masjid di Negeri ini yang terletakhak pada Majlis menurut kuasa Enakmen ini.

Pesuruhjaya
hendaklah
menyeng-
gara daftar
masjid.

167. (1) Tidaklah boleh mana-mana orang mendirikan mana-mana masjid atau mana-mana bangunan yang akan digunakan sebagai masjid, atau sebaliknya menggunakan mana-mana bangunan yang sedia ada sebagai atau bagi maksud sebuah masjid, tanpa kebenaran yang bertulis daripada Pesuruhjaya.

Sekatan bagi
mendirikan
atau meng-
gunakan
mana-mana
bangunan
sebagai, dan
larangan
penggunaan,
masjid.

(2) Pesuruhjaya boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang penggunaan mana-mana masjid bagi apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah.

168. (1) Tidaklah boleh mana-mana orang mengumpulkan atau mengambil bahagian dalam menunaikan sembahyang Jumaat di mana-mana tempat selain daripada masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan atau tempat yang diluluskan bagi maksud itu oleh Pesuruhjaya.

Sembahyang
Jumaat di
tempat-
tempat yang
tidak di-
benarkan.

(2) Mana-mana masjid yang diluluskan untuk mendirikan sembahyang Jumaat hendaklah diwartakan.

169. (1) Tidaklah boleh mana-mana orang bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat di mana-mana tempat kecuali dia seorang Imam, Khatib, atau Bilal yang dilantik di bawah Bahagian ini atau dia adalah seorang yang diberi kuasa oleh Jabatan untuk bertindak sedemikian berhubung dengan sembahyang Jumaat yang berkenaan itu.

Bertindak
sebagai
Imam,
Khatib,
atau Bilal
dalam
sembahyang
Jumaat.

(2) Tidaklah boleh mana-mana orang yang dilantik sedemikian bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat, selain daripada di masjid yang padaanya dia dilantik pada masa itu atau ditugaskan oleh

Jabatan, melainkan dia dibenarkan oleh Jabatan untuk bertindak sedemikian.

Pesuruhjaya boleh mengarahkan bahawa khutbah yang dikehluarkan oleh Jabatan hendaklah dibaca.

• Penyenggaraan masjid.

Menutup atau merombak.

170. Pesuruhjaya boleh, dengan persetujuan Majlis, dari semasa ke semasa mengeluarkan arahan-arahan bahawa hanya khutbah yang disediakan atau diluluskan oleh Jabatan hendaklah dibaca sebagai khutbah bagi maksud sembahyang Jumaat atau sembahyang Hari Raya atau lain-lain sembahyang yang menggunakan khutbah.

171. (1) Hendaklah menjadi tanggungjawab Pesuruhjaya menyenggara dari semasa ke semasa akan semua masjid di dalam Negeri ini menurut sebagaimana yang perlu dan menjaga akan dia supaya berada di dalam keadaan yang baik.

(2) Pesuruhjaya boleh mengumpul dan menggunakan, atau memberi kuasa mengumpul dan menggunakan, kumpulan wang khas bagi maksud penyenggaraan tersebut, atau bolehlah membayar belanja-belanja penyenggaraan yang perlu daripada Kumpulan Wang.

(3) Pesuruhjaya bolehlah mewakilkan semua atau mana-mana daripada kuasanya di bawah seksyen ini kepada sesiapa yang difikirkan layak dan patut; bagaimanapun, seseorang yang diwakilkan dengan kuasa di bawah subseksyen ini tidaklah boleh membuat apa-apa perubahan besar ke atas mana-mana masjid kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya.

172. (1) Pesuruhjaya dengan persetujuan Majlis boleh, dengan apa-apa sebab yang cukup, menutup atau merombak mana-mana masjid dan, jika mana-mana masjid telah dirombak dan tidak ada cadangan untuk mendirikan masjid lain di atas tapak yang sama dan tidak lagi dapat hendak digunakan tapak itu bagi maksud sebuah masjid, bolehlah, jika tapak itu ialah tanah wakaf, menggunakan tapak itu mengikut mana-mana cara yang diluluskan oleh Hukum Syara'.

(2) Jika tapak sesebuah masjid digunakan sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (1), semua

pendapatan yang diperolehi daripadanya hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

(3) Barang-barang binaan dan barang-barang lain dari masjid yang dirombak boleh digunakan bagi masjid baru atau masjid yang ada atau boleh dijual dan, jika dijual, hasil jualan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

173. (1) Pesuruhjaya adalah berkuasa pada bila-bila masa untuk menetapkan sempadan-sempadan bagi mana-mana mukim masjid dan meminda atau mengubah sempadan-sempadan itu.

Sempadan-
sempadan
mukim
masjid.

(2) Apa-apa pertikaian bersabit dengan sempadan-sempadan sesebuah mukim masjid hendaklah dirujukan kepada Jawatankuasa Fatwa bagi mendapat pandangannya.

174. Pesuruhjaya hendaklah mengadakan suatu daftar seperti yang ditetapkan yang menunjukkan pegawai-pegawai masjid bagi tiap-tiap masjid di dalam Negeri ini.

Daftar
pegawai-
pegawai
masjid.

175. (1) Apabila berlaku kekosongan dalam jawatan Ketua Imam, Imam, Khatib, atau Bilal bagi mana-mana masjid, selain daripada jawatan dalam perkhidmatan awam Negeri, Pesuruhjaya hendaklah mengambil langkah untuk mendapatkan calon yang layak selepas berunding dengan Jawatankuasa Fatwa untuk mengisi kekosongan itu.

Kekosongan
jawatan Ke-
tua Imam,
Imam,
Khatib, atau
Bilal.

(2) Jika kekosongan itu ialah bagi masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan, Pesuruhjaya hendaklah kemudiannya menyembahkan nama calon bagi mengisi jawatan yang kosong itu, kecuali jawatan Khatib atau Bilal, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk perlantikan bagi memenuhi jawatan kosong itu.

(3) Jika kekosongan itu ialah dalam jawatan Khatib atau Bilal bagi mana-mana masjid, atau bagi masjid selain daripada masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan, Pesuruhjaya bolehlah melantik seseorang yang layak untuk mengisi kekosongan itu dan bolehlah pula pada bila-bila masa membatalkan perlantikan itu.

Perlantikan
Imam Besar,
Ketua
Imam, atau
Imam.

Kelakuan
pegawai
masjid.

Kuasa dan
kewajipan
pegawai
masjid.

Kehadiran
di masjid.

Masjid-
masjid di
mana sem-
bahyang
Jumaat
boleh
diadakan.

176. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dengan Tau-
liah melantik mana-mana orang yang layak menjadi
Imam Besar bagi Masjid Negeri dan Ketua Imam atau
Imam bagi mana-mana masjid di mana sembahyang
Jumaat boleh diadakan, dan bolehlah pula pada bila-
bila masa membatalkan perlantikan itu.

177. Hendaklah menjadi kewajipan Ketua Imam atau
Imam untuk membawa kepada pengetahuan Pesuruh-
jaya di atas apa-apa kelakuan keji oleh mana-mana
pegawai masjid, sama ada bersabit dengan jawatannya
atau sebaliknya, dan membuat apa-apa pengesyoran
yang dia fikirkan sesuai.

178. Pegawai-pegawai bagi mana-mana masjid hendak-
lah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan
sebagaimana yang disebutkan di dalam Tauliah masing-
masing, dan selain dari itu—

- (a) hendaklah bertanggungjawab pada menjaga
perjalanan dan peraturan yang baik bagi
masjid itu;
- (b) hendaklah bertanggungjawab pada menjaga
kesopanan anak-anak mukim masjid itu dalam
perkara-perkara mengenai Agama Islam;
- (c) hendaklah memberi dengan segera kenyataan
kepada Pesuruhjaya di atas segala perkara
yang berbangkit di dalam mukim masjid itu
yang berkehendakkan perhatian Pesuruhjaya.

179. Kecuali di atas sebab-sebab yang munasabah,
tidaklah boleh mana-mana anak mukim tidak meng-
hadiri sembahyang Jumaat di dalam mukim masjidnya
sendiri jika dengan sebab ketiadaannya itu akan
mengendalakan pengerajan sembahyang Jumaat di
dalam mukim masjid itu.

180. (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, masjid-
masjid yang disenaraikan dalam Jadual Kedua, dan
tiada yang selainnya, adalah masjid-masjid di mana
sembahyang Jumaat boleh diadakan.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari
semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan
dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.

BAHAGIAN VI

ORANG YANG MEMELUK AGAMA ISLAM

181. Mana-mana orang yang telah baligh yang berhajat memeluk Agama Islam hendaklah mengucap Dua Kalimah Syahadat di hadapan mana-mana orang Islam, dan dengan sedemikian sahlah dia menjadi seorang Islam, dan kemudian daripada itu hendaklah hadir di hadapan Qadi untuk maksud pendaftaran mengikut cara yang ditetapkan.

Memeluk
Agama
Islam.

182. (1) Mana-mana orang yang mengislamkan seseorang hendaklah dengan serta-merta melaporkan perihal itu kepada Qadi dengan memberi segala butir-butir kenyataan yang bersabit dengannya.

Melaporkan
orang yang
memeluk
Agama
Islam.

(2) Hendaklah Qadi mengeluarkan kepada mana-mana orang yang telah memeluk Agama Islam suatu Surat Akuan Masuk Islam dalam borang yang ditetapkan.

183. Hendaklah Jabatan menyimpan suatu daftar nama sekelian orang yang telah memeluk Agama Islam di dalam Negeri ini mengandungi butir-butir kenyataan yang bersabit dengan kemasukan mereka itu ke dalam Agama Islam sebagaimana yang ditetapkan.

Daftar
orang-orang
yang
memeluk
Agama
Islam.

184. Tidaklah boleh didaftarkan mana-mana orang itu sebagai seorang yang telah memeluk Agama Islam kecuali menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang diperbuat di bawahnya.

Kawalan
pendaftaran.

185. Tidaklah boleh mana-mana orang yang belum cukup umurnya empat belas tahun tujuh bulan didaftarkan sebagai seorang yang memeluk Agama Islam melainkan dengan persetujuan ibubapa atau penjaganya.

Sekatan
pendaftaran.

186. Mana-mana orang yang memeluk Agama Islam dan didaftarkan di bawah seksyen 183 bolehlah diberi bantuan wang atau lain-lain bantuan daripada Kumpulan Wang tertakluk kepada syarat-syarat, dan sekatan-sekatan yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Bantuan
kepada
pemeluk
Agama
Islam.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN-KESALAHAN

Pemakaian. **187.** (1) Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dengan nyata sebaliknya, kesalahan-kesalahan di dalam Bahagian ini hendaklah dipakai dan terkena ke atas orang-orang yang beragama Islam sahaja atau ke atas orang-orang yang, pada masa melakukan sesuatu kesalahan itu, adalah orang Islam.

(2) Kecuali sebagaimana disyaratkan dengan nyata sebaliknya di dalam Enakmen ini, pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini hendaklah diadakan di Mahkamah Tinggi Syar'iah atau di Mahkamah Rendah Syar'iah.

Tidak
menunaikan
sembahyang
Jumaat.

188. (1) Tiap-tiap *mukallaf* yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid di mana sembahyang Jumaat boleh diadakan, dengan tiada keuzuran syar'i, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

- (2) Keuzuran syar'i terdapat bagi seseorang jika—
- (a) kehadirannya itu tergендala oleh sebab hujan lebat; atau
 - (b) jauh tempat tinggalnya, mengikut jalan yang terdekat, adalah melebihi 3.2 kilometer daripada sesebuah masjid; atau
 - (c) kurang daripada empat puluh orang *mukallaf*, atau apa-apa angka yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai bilangan yang mencukupi untuk menuaikan sembahyang Jumaat, tinggal di mukim masjid di mana dia berada pada masa itu; atau
 - (d) dia uzur atau tidak bermastautin di mukim masjid di mana dia berada pada masa itu; atau
 - (e) terdapat keadaan-keadaan lain yang dibenarkan oleh Hukum Syara'.



189. (1) Mana-mana orang yang membawa, memiliki, mengedar, membeli, atau menjual sebarang minuman yang memabukkan di khalayak ramai atau di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Minuman yang memabukkan.

(2) Mana-mana orang yang meminum sebarang minuman yang memabukkan di khalayak ramai atau dimana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

190. Barang siapa, yang tidak harus berbuka puasa, pada siang hari dalam bulan Ramadan, memakan sebarang makanan, meminum sebarang minuman, atau menghisap sebarang hisapan di khalayak ramai atau di mana-mana tempat awam, dan barang siapa yang ber-subahat menjual barang makanan, minuman, atau hisapan kepada yang tertegah dari memakan, meminum, atau menghisap seperti yang tersebut itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Tidak berpuasa.

191. Jika mana-mana orang gaji kepada seseorang telah menjual apa-apa benda berlawanan dengan seksyen 189 atau 190, maka majikannya itu hendaklah dianggap telah bersubahat melakukan kesalahan itu dan telah menyebabkan kesalahan itu berlaku oleh kerana persubahatan itu melainkan dia membuktikan bahawa kesalahan yang telah dilakukan oleh orang gaji itu bukan dengan kebenarannya, pengetahuannya, atau keizinnannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

Anggapan.

192. (1) Mana-mana orang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkursting atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan, atau duduk berhampiran di mana-mana tempat yang mendatangkan syak, dengan mana-mana perempuan, sama ada

Khalwat.

perempuan itu beragama Islam atau tidak, selain daripada isterinya yang sah menurut Hukum Syara' atau seorang perempuan yang tertegah di atasnya bernikah menurut Hukum Syara' kerana keturunan, persemenandaan, atau susuan, adalah melakukan kesalahan khalwat dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang perempuan yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkurng atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan, atau duduk berhampiran di mana-mana tempat yang mendatangkan syak, dengan mana-mana lelaki, sama ada lelaki itu beragama Islam atau tidak, selain daripada suaminya yang sah menurut Hukum Syara' atau seorang lelaki yang tertegah di atasnya bernikah menurut Hukum Syara' kerana keturunan, persemenandaan, atau susuan, adalah melakukan kesalahan khalwat dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Mahkamah bolehlah, jika difikirkan patut, memerintahkan bahawa mana-mana perempuan yang disabitkan kesalahannya di bawah seksyen ini dimasukkan ke mana-mana rumah kebajikan yang diluluskan oleh Jabatan bagi maksud pemulihan untuk selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan.

Perbuatan-perbuatan sumbang.

193. (1) Mana-mana orang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkurng atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan, di mana-mana tempat dan dalam keadaan yang mendatangkan syak, dengan mana-mana perempuan yang tertegah di atasnya bernikah menurut Hukum Syara' kerana keturunan, persemenandaan, atau susuan, adalah melakukan kesalahan sumbang dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang perempuan yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkurng atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan, di mana-mana tempat dan dalam keadaan yang mendatangkan

syak, dengan mana-mana lelaki yang tertegah di atasnya bernikah menurut Hukum Syara' kerana keturunan, persemendaan, atau susuan, adalah melakukan kesalahan sumbang dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen 192(3) hendaklah dipakai, dengan ubahsuaian yang perlu, bagi kesalahan di bawah seksyen ini.

194. Barang siapa, yang diamanahkan bagi memungut, menyimpan, menjaga, mengelola, atau menyampaikan wang atau harta daripada wakaf, Bait-ul-Mal, zakat, fitrah, derma daripada orang ramai, atau lain-lain perkara yang ada hubungannya dengan Agama Islam, telah tidak menyerahkan wang atau harta itu kepada orang yang berhak kepadanya atau telah tidak menjelaskannya kepada orang yang ditentukan atau telah tidak mengemukakan kira-kira wang itu kepada Pesuruhjaya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh membuat perintah supaya dibayar atau diserahkan terus wang atau harta itu kepada orang yang berhak menerimanya atau supaya dipulangkan wang atau harta itu kepada sesiapa yang diarah oleh Mahkamah.

Menyimpan
wang dengan
tidak ada
sebab-sebab.

195. Barang siapa mengambil bahagian dalam apa-apa pungutan wang atau derma dengan menyalahi seksyen 164(4) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan segala wang yang dipungut hendaklah dirampas oleh Mahkamah dan hendaklah menjadi hasil Bait-ul-Mal.

Pungutan
salah untuk
maksud-
maksud
khairat.

196. Barang siapa yang berkewajipan di bawah Enakmen ini untuk mendaftarkan apa-apa perkara atau prosiding, atau membuat, menyedia, menyimpan, atau menjaga apa-apa daftar bayaran, buku kira-kira, anggaran pendapatan atau perbelanjaan, daftar, buku keraian, buku peringatan mesyuarat, atau akaun pungutan

Meninggal-
kan
kewajipan
berkanun.

khairat, atau untuk mengeluarkan surat akuan, resit, atau salinan yang sah, enggan atau lalai menjalankan kewajipan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Memecah
rahsia.**

197. Barang siapa, dengan melanggar peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah, peraturan, atau perintah yang diperbuat di bawahnya, dengan tidak sepatutnya menyatakan atau membuka-kan sesuatu perkara, yang menjadi kewajipannya me-rahsiakannya, kepada sesiapa yang tidak berhak di sisi undang-undang untuk diberitahu hal itu adalah mela-kukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Hukuman
kerana
melanggar
seksyen-
seksyen 167
dan 168.**

198. (1) Barang siapa melanggar seksyen 167 atau 168 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah di-hukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mahkamah boleh, tertakluk kepada apa-apa hak mana-mana pihak ketiga, memerintahkan orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah seksyen 167 (1) supaya merobohkan bangunan yang berkenaan.

**Pengajaran
agama.**

199. (1) Kecuali kepada keluarga rumahnya sahaja dan di dalam tempat kediamannya sendiri, tiada sese-orang boleh mengajar atau menghurai atau menerangkan, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh di-ertikan sebagai mengajar, menghurai, atau menerangkan, sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam, tanpa kebenaran bertulis daripada Pesruhjaya.

(2) Kecuali dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis, tidaklah boleh mana-mana orang atau kumpulan orang mendirikan sekolah agama Islam atau menggunakan mana-mana bangunan yang sedia ada sebagai atau bagi maksud menjadikan sebuah sekolah agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Pesruhjaya.

(3) Melainkan dengan kelulusan Majlis, sesiapa yang telah disabitkan oleh Jawatankuasa Fatwa mengajar ilmu salah tidaklah boleh mengajar atau menghuraikan atau menerangkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam walaupun di dalam tempat kediannya sendiri.

(4) Barang siapa melanggar subseksyen (1), (2), atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(5) Mahkamah boleh, tertakluk kepada apa-apa hak mana-mana pihak ketiga, memerintahkan orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (2) supaya merobohkan bangunan yang berkenaan.

200. Barang siapa bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat, dengan menyalahi seksyen 169 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bertindak salah sebagai Imam, Khatib, atau Bilal dalam sembahyang Jumaat.

201. Barang siapa mengembangkan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti Agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengembangkan iktikad atau kepercayaan agama.

202. (1) Tidaklah boleh sesiapa memberi apa-apa syarahan dalam apa-apa bentuk sekalipun di dalam mana-mana masjid dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis, sama ada dengan secara am atau khas, daripada Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

Syarahan-syarahan di dalam masjid.

(2) Pesuruhjaya boleh, dengan cara pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana badan atau pertubuhan daripada peruntukan subseksyen (1).

(3) Barang siapa melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali.

Menampal
bil-bil atau
sebaliknya
mencacat-
kan masjid.

203. Barang siapa, tanpa kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya, menampal apa-apa iklan, bil, notis, kertas, sepanduk, bendera, poster di atas, atau menulis ke atas, menanda, mencacat, menconteng dengan apa benda sekalipun, atau merosak, mengubah atau memindah, mana-mana masjid, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali.

Ajaran
palsu.

204. (1) Barang siapa mengajar atau menghuraikan kepada seseiapa, atau mengedarkan mana-mana tempat, sesuatu ajaran, atau menjalankan sesuatu istiadat atau perbuatan, yang bertentangan dengan Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya apa-apa suratan atau rakaman suara atau mana-mana rakaman lain yang mengandungi ajaran yang menjadi perkara kesalahan di bawah subseksyen (1) dimusnahkan atau dilupuskan dengan cara lain sebagaimana Mahkamah fikirkan patut.

Fatwa.

205. (1) Tidaklah boleh sesiapa, kecuali Majlis atau Mufti, sama ada dengan cara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan apa-apa fatwa, mengenai Agama Islam atau Hukum Syara', atau menuduh seseorang yang menganut Agama Islam sebagai murtad, syirik, atau kafir.

(2) Tidaklah boleh sesiapa, kecuali Hakim Syar'i, memutus seseorang yang menganut Agama Islam sebagai murtad, syirik, atau kafir.

(3) Barang siapa melanggar subseksyen (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduá-duanya sekali.



206. Barang siapa, sama ada dengan secara lisan atau tulisan atau perbuatan atau dengan cara apa jua pun, membuat hina, atau menyebabkan supaya dibuat hina, terhadap mana-mana Ayat Quran atau Hadis atau sebarang perkataan atau ayat yang dipandang suci oleh orang-orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menghina
Ayat-ayat
Quran, dsb.

207. Barang siapa membuat hina terhadap kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri ini atau kuasa Jabatan atau Majlis atau mana-mana jawatankuasa atau ahli atau pegawainya atau mana-mana pegawai masjid atau kuasa mana-mana Mahkamah atau pegawai yang mengetuai Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menghina
pihak-pihak
berkuasa
agama.

208. (1) Bagi maksud menjalankan kuasa dan haknya di bawah Enakmen ini, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya bolehlah menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapannya atau Pegawai itu dan boleh menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkan perlu ke atas orang itu berkaitan dengan perjalanan Enakmen ini.

Penyiasatan
oleh
Pesuruhjaya.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa sebab-sebab yang munasabah, mengingkari kehendak subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

209. (1) Barang siapa, sama ada dengan secara lisan atau tulisan atau perbuatan atau dengan cara apa jua pun, membuat hina terhadap Agama Islam atau perjalanan mana-mana satu dari Mazhab yang empat, atau mana-mana pegawai agama atau guru agama atau Imam yang bertauliah atau mana-mana fatwa yang diluarkan dengan sah di bawah Enakmen ini adalah

Menghina
agama.

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, seseorang Islam yang mengaku dirinya sebagai seorang yang bukan Islam adalah membuat hina terhadap Agama Islam.

Erti
"membuat
hina".

Hasutan
meninggal-
kan
kewajipan
agama.

Kesalahan-
kesalahan
berkait
dengan
Bait-ul-Mal.

Tidak
membayar
zakat dan
fitrah, dan
membayar
dan
memungut-
nya secara
tak sah.

210. Bagi maksud-maksud seksyen-seksyen 206, 207, dan 209, "membuat hina" termasuklah mencela, meng ejek, mencemuh, mencerca, mengutuk, atau mempersenda.

211. Barang siapa menghasut atau memujuk mana-mana orang Islam supaya tidak menghadiri masjid atau tidak menghadiri pengajaran agama Islam atau tidak membayar zakat atau fitrah atau tidak membayar bayaran yang bertanggung ke atasnya di bawah Enakmen ini atau tidak melakukan sebarang yang diwajibkan di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

212. Mana-mana wasi atau pentadbir, yang ingkar mematuhi mana-mana peruntukan di bawah seksyen 139 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan sebanyak tidak lebih dari pada seratus ringgit bagi tiap-tiap sebulan atau sebahagian daripada sebulan keingkaran itu diteruskan.

213. (1) Barang siapa dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Keputusan sabit kesalahan di bawah subseksyen (1) tidak akan menjadikan hutang itu terhapus, dan Mahkamah bolehlah memerintah supaya zakat atau fitrah yang kerananya seseorang itu disabitkan, atau nilai baginya, dijelaskan olehnya kepada Jabatan

sama ada dengan sekali gus atau dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Barang siapa dengan sengaja membayar atau menyebabkan supaya dibayar, memujuk mana-mana orang supaya membayar, zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya mana-mana orang untuk membayar, kepada orang yang tidak diberi kuasa di bawah Enakmen ini untuk memungut zakat atau fitrah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Barang siapa, yang bukan seorang yang diberi kuasa di bawah Enakmen ini untuk memungut zakat atau fitrah, memungut atau menerima zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dibayar kepadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan zakat atau fitrah yang dipungut itu hendaklah dirampas oleh Mahkamah dan hendaklah menjadi hasil Bait-ul-Mal.

214. (1) Barang siapa menceroboh terhadap atau dengan secara haram menduduki sesuatu *maukuf* atau mengambil sebarang hasil *maukuf* itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menceroboh atau secara haram menduduki harta wakaf.

(2) Suatu perintah bagi melucuthakkan apa-apa benda yang terdapat di atas *maukuf* boleh dibuat sebagaimana Mahkamah fikirkan patut.

215. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan, mana-mana orang Islam yang menjual atau memberi atau menyerahkan anaknya atau anak yang di bawah jagaannya kepada seseorang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menjual, memberi, atau menyerah anak.

(2) Jualan atau pemberian atau penyerahan anak bertentangan dengan subseksyen (1) adalah tidak sah,

dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya anak itu dipulangkan kepada ibubapanya atau kepada jagaan mana-mana orang atau pihak yang ditentukan oleh Mahkamah.

Tidak menghiraukan titah perintah mengenai awal Ramadan dan dua Hari Raya.

Mencetak, menerbit, mengedar, dan memiliki penerbitan haram.

Cuba atau bersubahat.

Hukuman yang tidak ditentukan.

Kuasa meng-kompaun.

216. Barang siapa mengingkari atau tidak menghiraukan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan awal puasa Ramadan atau Hari Raya Fitrah atau Hari Raya Haji adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

217. (1) Barang siapa, tanpa apa-apa sebab yang sah, mencetak, menerbit, mengedar, atau ada dalam miliknya, sebarang buku, rekod atau pita rakaman bunyi, suratan, risalah, filem, rakaman video atau lain-lain bahan yang serupa, yang telah diisytiharkan di bawah seksyen 27 sebagai penerbitan haram adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya apa-apa buku, rekod atau pita rakaman bunyi, suratan, risalah, filem, rakaman video atau lain-lain bahan yang menjadi perkara kesalahan di bawah subseksyen (1) dimusnahkan atau dilupuskan dengan cara lain sebagaimana Mahkamah fikirkan patut.

218. Barang siapa cuba melakukan, atau bersubahat pada melakukan, apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini adalah melakukan kesalahan itu sendiri.

219. Barang siapa melakukan kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah atau peraturan yang diperbuat di bawah Enakmen ini yang mana hukumannya tidak diperuntukkan dengan nyata hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

220. Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai Jabatan yang khas diberi kuasa secara bertulis untuk maksud itu oleh Pesuruhjaya boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga

dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah sebagai telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi satu perempat amaan denda yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

221. Pada menjalankan segala kuasa dan menyempurnakan segala kewajipan, selain daripada kuasa dan kewajipan kehakiman dan keluaran fatwa yang diberi atau diletakkan oleh Enakmen ini ke atasnya, maka mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Enakmen ini adalah di bawah perintah dan kawalan am Pesuruhjaya.

Penyeliaan
pegawai-
pegawai.

222. (1) Hendaklah menjadi kewajipan Qadi Besar pada tiap-tiap bulan bagi membuat penyiasatan untuk menentukan hari yang anak bulan baru bagi bulan berikutnya harus kelihatan dan membuat penyiasatan, pada hari yang ditentukan itu, sama ada anak bulan itu sebenarnya ada atau tidak dan kemudian memperakukan dengan tandatangannya akan hasil penyiasatannya itu.

Kelihatan
bulan.

(2) Qadi Besar hendaklah kemudiannya dengan segera menyampaikan maklumat yang tersebut dalam subseksyen (1) kepada Pesuruhjaya untuk dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Hendaklah menjadi suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh dipatahkan bahawa anak bulan baru yang berkenaan itu telah kelihatan pada tarikh yang diperakukan oleh Qadi Besar itu.

223. (1) Tidaklah tertanggung ke atas ahli-ahli Majlis akan apa-apa kerugian yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh sebarang pelaburan yang diperbuat mengikut Enakmen ini, atau akan apa-apa kemungkinan memungut atau mengumpul apa-apa wang atau aset kepunyaan Majlis, kecuali kerugian itu telah terjadi akibat daripada kecuaianya yang disengaja atau tipuannya.

Perlin-
dungan
Majlis dan
ahli-ahli
dan orang-
orang gaji-
nya.

(2) Tidaklah tertanggung ke atas peribadi ahli-ahli Majlis, pekerja-pekerja, ejen-ejen, atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasa Majlis, sebarang tindakan atau prosiding bagi atau berkenaan dengan mana-mana perbuatan, perkara, atau benda yang dilakukan atau yang ditinggalkan dengan secara jujur pada menjalankan atau mempercayai menjalankan mana-mana hak atau kuasa Majlis atau ahli-ahlinya.

**Menunjuk
kan kad
pengenalan
kuasa.**

224. (1) Mana-mana orang yang diberi kuasa bertindak terhadap mana-mana orang lain di bawah Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah, apabila diminta, mengisyiharkan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang dia bertindak ke atasnya itu apa-apa suratan memperkenalkan dirinya seperti yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya.

(2) Tiadalah menjadi kesalahan ke atas mana-mana orang yang ingkar mematuhi apa-apa perintahan, kehendak, atau perintah yang dibuat oleh mana-mana orang yang diberi kuasa itu, jika orang itu ingkar mengisyiharkan jawatannya dan menunjukkan suratan memperkenalkan dirinya apabila diminta oleh orang itu.

**Kaedah-
kaedah.**

225. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dari semasa ke semasa, dan dengan khasnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna akan apa-apa yang tersebut terdahulu daripada ini, kaedah-kaedah seumpama itu bolehlah mengadakan peruntukan berkenaan dengan—

- (a) prosedur Majlis;
- (b) cara suratan, cek, dan sebarang jenis surat-cara mesti ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak Majlis;
- (c) perlantikan, penggantungan, dan pembuangan kerja pekerja-pekerja Majlis;
- (d) tanggungjawab dan kawalan pekerja-pekerja Majlis;

- (e) prosedur bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan;
- (f) fee yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan menurut Enakmen ini dan cara memungut dan melupuskan fee itu;
- (g) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Fatwa dan amalan dan prosedur berkenaan dengan semua perkara dalam bidangkuasanya;
- (h) perlantikan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis dan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan, dan prosedurnya;
- (i) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Syar'iah;
- (j) bentuk saman-saman, borang-borang, daftardaftar, buku-buku kira-kira, penyata-penyata, akaun-akaun, anggaran-anggaran, dan lain-lain suratan yang akan digunakan berkenaan dengan sesuatu perkara atau benda yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini;
- (k) pungutan, perbelanjaan, dan pelupusan sesuatu harta, pelaburan, dan kumpulan wang yang kena dibayar atau terletak hak dari semasa ke semasa pada Majlis;
- (l) perjalanan pungutan wang khairat dan perbelanjaan daripada pendapatannya;
- (m) penyenggaraan mana-mana masjid atau tanah perkuburan dan semua harta wakaf dan lain-lain harta yang bersangkutan dengannya;
- (n) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pegawai-pegawai yang terlibat dalam memungut zakat dan fitrah;
- (o) perjalanan pemilihan bagi memilih Pegawai masjid;
- (p) penetapan dan pengisytiharan sempadan-sempadan mukim masjid;

- (q) penjagaan dan pengajaran kanak-kanak muallaf dan cara-cara mendaftar muallaf;
- (r) perjalanan dan pendaftaran bagi tempat-tempat pengajaran agama dan sekolah-sekolah agama, termasuklah penubuhan, penyusunan, pengurusan, kawalan, dan pembubaran pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan murid-murid, atau murid-murid dan guru-guru, atau guru-guru dan ibu-bapa, sama ada dalam tempat pengajian atau sekolah sedemikian atau tidak;
- (s) semua perkara yang berkaitan dengan zakat, Bait-ul-Mal, wakaf dan nazar;
- (t) prosedur berkenaan dengan penyeliaan mengajar, bersyarah, dan berdakwah;
- (u) pentadbiran berkenaan dengan kelas-kelas agama, sekolah-sekolah agama, madrasah-madrasah, dan lain-lain institusi bukan Kerajaan;
- (v) hukuman kerana melanggar atau tidak mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini; dan
- (w) lain-lain perkara bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Peman-
suhan dan
pengekalan
kaerah-
kaerah dan
perlantikan.
En. Tr.
4/55.

226. (1) Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syara' 1955 (1375), kecuali Bahagian VII, VIII, seksyen-seksyen 133, 136, 137, 138, dan paragraf (n) seksyen 160, adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Segala kaedah, pemasyhuran, perintah, notis, borang, dan sijil yang dikeluarkan, dan perlantikan yang dibuat, di bawah atau dengan kuasa Undang-Undang yang dimansuhkan itu hendaklah terus berkuatkuasa setakat yang ianya tidak berlawanan dengan, atau digantikan oleh, peruntukan-peruntukan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaerah-kaerah, pemberitahuan-pemberitahuan, perintah-perintah, notis-notis, borang-borang, sijil-sijil, atau perlantikan-perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

227. Peruntukan-peruntukan Enakmen ini hendaklah terpakai, setakat mana yang boleh, kepada semua perkara yang masih belum selesai di Mahkamah-Mahkamah Syar'iah pada tarikh yang ditetapkan.

Perkara-perkara yang belum selesai.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 14(3))

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERPAKAI
BAGI PERBADANAN-PERBADANAN**

- 1.** Tiada apa jua dalam seksyen 14 boleh disifatkan sebagai membenarkan Majlis membuat perintah untuk menubuhkan sebarang perbadanan yang mempunyai apa-apa kewajipan, kuasa, atau hak yang terkeluar daripada kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa, atau hak-hak Majlis di bawah Enakmen ini.
Pembatasan pada fungsi-fungsi perbadanan.
- 2.** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 14 adalah mengikat perbadanan yang mengenainya ianya dibuat dan hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah ianya telah dikanunkan dalam Enakmen ini.
Perintah mempunyai efek mengikat.
- 3.** Majlis boleh, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan pada bila-bila masa meminda, membatakan, atau menambah kepada apa-apa perintah yang dibuat mengenai mana-mana perbadanan di bawah seksyen 14.
Pindaan, dan sebagainya, perintah.
- 4.** Majlis hendaklah menyimpan satu daftar bagi semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 14 dan daftar itu bersekali dengan salinan-salinan semua perintah yang dibuat di bawah seksyen itu hendaklah terbuka kepada pemeriksaan awam pada tempat atau tempat-tempat dan pada waktuwaktu sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.
Daftar perbadanan-perbadanan.
- 5. (1)** Majlis boleh, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya hendaklah digulgung dan dibubarkan.
Penggulgungan.

(2) Apabila terbubarnya mana-mana perbadanan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu, setelah dibayar segala tanggungan, hendaklah dipindahkan kepada dan diletakhak pada Majlis.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah paragraf ini hendaklah dijalankan menurut cara yang ditetapkan oleh Majlis.

Perbadanan
hendaklah
menjadi
pertubuhan
perbadanan.

6. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 14 hendaklah menjadi sebuah pertubuhan perbadanan dengan nama sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Majlis dan hendaklah kekal turuntemurun dan mempunyai meterai am dan boleh mendakwa dan didakwa dalam nama tersebut, dan, bagi maksud memaju atau menunaikan fungsi-fungsinya, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan mengurusniagakan apa-apa harta alih atau takalih dan boleh membuat segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan tertakluk kepada sekatan-sekatan atau pembatasan-pembatasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dalam tiap-tiap satu hal.

Meterai am
perbadanan.

7. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai meterai am, yang hendaklah mengandungi suatu tanda sebagaimana diluluskan oleh perbadanan itu dengan persetujuan Majlis dan meterai am itu bolehlah dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah, dan dibuat baru oleh perbadanan dengan persetujuan Majlis.

(2) Sehingga satu meterai am diperuntukkan oleh perbadanan di bawah paragraf ini, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu bolehlah digunakan sebagai meterai am.

(3) Meterai am, atau cap yang disebut dalam sub-paragraf (2), hendaklah berada dalam jagaan orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan segala surat ikatan, suratan, dan suratcara-suratcara lain yang berupa sebagai dimeterai dengan meterai atau cap tersebut, dan yang



disahkan sebagaimana dikatakan tadi, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Apa-apa suratan atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki supaya dibuat dibawah meterai, boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh perbadanan.

(5) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KEDUA
(Seksyen 180)

MASJID-MASJID DI MANA SEMBAHYANG JUMAAT
BOLEH DIADAKAN

JADUAL KETIGA
(Seksyen 220)

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH
DIKOMPAUN

<i>Kesalahan</i>	<i>Seksyen</i>
1. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat ...	188
2. Minuman yang memabukkan	189
3. Tidak berpuasa	190

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 3 Disember 1986.

[SUK. TR. (S) 6/60; PUN. TR. (S) 142]

WAN ISA BIN LONG,
Setiausaha Dewan Undangan Negeri,
Terengganu

